

MEMPERKUKUH HUBUNGAN DUA HALA BIDANG HAL EHWAL UGAMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwat Dalam Negeri, Republik Singapura, Yang Berhormat Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim, yang mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam selama dua hari. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwat Dalam Negeri, Republik Singapura, Yang Berhormat Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim, yang mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam (NBD) selama dua hari.

>> Muka 2

Berkenan hantar titah perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Luong Cuong; dan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh, kerajaan serta rakyat Republik Sosialis Viet Nam berikutan dengan banjir kilat dan tanah runtuh yang telah melanda kawasan wilayah tengah Republik Sosialis Viet Nam baru-baru ini sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda.

Mengukuhkan kerjasama dua hala dalam perkhidmatan ugama

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwat Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 November. - Menteri Hal Ehwat Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman baru-baru ini menerima kunjungan hormat daripada Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwat Dalam Negeri, Republik Singapura, Yang Berhormat Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim, yang sedang dalam rangka lawatan selama dua hari bermula dari 24 hingga 25 November 2025 ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

>> Muka 6



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama



MANFAATKAN pertumbuhan ekonomi, kerjasama strategik

Muka 7



PERASMIAN Kenali KementerianKu

Muka 9



PB, ACCA meterai kerjasama tingkatkan kemajuan akademik, profesional

Muka 18



RENCANA

NIKMATI percutian bersama BDF 2025

Muka 20

Memperkukuh hubungan dua hala bidang hal ehwal ugama



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad
Hasif Matzin



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura yang berlangsung di Istana Nurul Iman (atas kiri dan atas kanan).

>> Muka 1

Turut menyertai Yang Berhormat pada Majlis Mengadap tersebut, Pesuruhjaya Tinggi Republik

Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Laurence Bay; Ketua Eksekutif Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Tuan Kadir Maideen; dan Timbalan Mufti MUIS, Dr. Mohd Murat Md. Aris.

Juga hadir ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji

Othman; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji

Mohammed Yunos; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Lawatan berkenaan merupakan lawatan pengenalan Yang Berhormat ke NBD sejak pelantikannya selaku Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada 23 Mei 2025.

Selain itu, lawatan berkenaan juga memberi peluang kepada kedua-dua buah negara untuk memperkukuh hubungan dua hala dalam bidang-bidang yang berkepentingan bersama, termasuk hal ehwal ugama.

NBD dan Republik Singapura baru-baru ini juga telah mengesahkan kembali komitmen untuk mendukung hubungan istimewa dan unik yang telah lama terjalin melalui Program Pemimpin-pemimpin Muda Ke-11 (Young Leaders' Programme - YLP) yang diadakan di Bandar Seri Begawan pada 3 hingga 4 November 2025.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

WAKTU SEMBAHYANG										
NOVEMBER	HARI	JAMADILAKHIR	IMSAR	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
26	RABU	5	4.39	4.49	6.11	6.35	12.09	3.30	6.04	7.17
27	KHAMIS	6	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.17
28	JUMAAT	7	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18
29	SABTU	8	4.40	4.50	6.13	6.36	12.10	3.31	6.04	7.18
30	AHAD	9	4.40	4.50	6.13	6.37	12.10	3.32	6.05	7.19
1	ISNIN	10	4.41	4.51	6.13	6.37	12.10	3.32	6.05	7.19
2	SELASA	11	4.41	4.51	6.14	6.38	12.11	3.32	6.05	7.19
Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit										
RAMALAN CUACA 3 HARI										
RABU			KHAMIS				JUMAAT			
Bandar Seri Begawan										
31	24	°C	30	24	°C	30	24	°C		
Pekan Bangar										
31	24	°C	30	23	°C	30	23	°C		
Pekan Tutong										
31	24	°C	30	25	°C	30	24	°C		
Kuala Belait										
31	24	°C	30	24	°C	30	24	°C		
Wallahualam Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi										
										www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG 26 NOVEMBER 2025

Ibu bapa contoh moral, akhlak

ANUGERAH yang terindah dan diamanahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada ibu bapa ialah kanak-kanak (anak-anak) dan mereka bukan sekadar pelengkap sebuah keluarga, tetapi juga pewaris masa depan bangsa dan agama. Dalam Islam, setiap anak dilahirkan suci dan bersih. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah, maka ibu bapalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi." (Hadis Riwayat al-Bukhari)

Hadis ini mengingatkan bahawa pembentukan jiwa anak bermula dari rumah. Justeru, ibu bapa yang berjiwa besar adalah mereka yang tidak mudah marah, tidak cepat menghukum dan sanggup berubah demi menjadi contoh terbaik buat anak-anak.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menunjukkan teladan yang luar biasa dalam menyantuni kanak-kanak. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mencium cucu Baginda, Sayyidina Hasan dan Sayyidina Husain di khalayak ramai, sedangkan ada sahabat yang hairan dengan tindakan itu.

Ibu bapa juga perlu berani berubah dalam pendekatan keibubapaan. Dalam dunia moden hari ini, kanak-kanak berdepan pelbagai pengaruh luar seperti media sosial dan budaya global.

Cara lama yang keras atau hanya berasaskan hukuman mungkin tidak lagi berkesan. Berani berubah bermaksud sanggup menyesuaikan cara didikan dengan zaman, tanpa mengabaikan nilai Islam. Jika dahulu anak-anak ditegur dengan suara tinggi, kini mereka perlu didekati dengan komunikasi empati dan hikmah.

Selain itu, ibu bapa perlu menjadi contoh moral dan akhlak. Anak-anak belajar lebih banyak melalui pemerhatian berbanding arahan. Jika mereka melihat ibu bapa bersabar, menghormati orang lain dan memohon maaf apabila tersilap, mereka akan meniru nilai tersebut dalam kehidupan.

Dalam mendidik anak, mujahadah atau kesungguhan juga amat penting. Membesarkan anak dalam dunia yang penuh cabaran tidak mudah, tetapi ibu bapa berjiwa besar tidak berputus asa.

Mereka memahami bahawa setiap anak berbeza dan perubahan memerlukan masa. Seperti Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bersabar mendidik umat yang pelbagai latar belakang, ibu bapa juga harus terus berusaha dengan doa, bimbingan dan kasih sayang.

Akhirnya, semua usaha mendidik anak perlu disertai dengan niat yang ikhlas (muhsin). Ibu bapa yang berjiwa besar mendidik bukan untuk dipuji masyarakat, tetapi kerana amanah Allah Subhanahu Wata'ala.

Mereka tidak mengharapkan kesempurnaan, tetapi berusaha menjadi pembimbing yang penuh kasih, sabar dan istiqamah. Dengan jiwa yang besar, ibu bapa mampu memaafkan, memahami dan menyesuaikan diri dengan keperluan anak.

Dengan keberanian untuk berubah, mereka mampu melahirkan generasi kanak-kanak yang beriman, berakhlak dan berani menghadapi masa depan dengan kekuatan spiritual dan emosi.

Usaha untuk mendidik anak merupakan satu perjalanan yang panjang dan hanya mereka yang berjiwa besar serta berani berubah akan mampu membentuk insan yang menjadi rahmat kepada dunia. - **Ketua Penyuntingan (Zk)**


Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN MENERIMA MENGADAP PERPISAHAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo (atas dan atas kiri).

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad
Hasif Matzin**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam

(NBD), Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo yang akan menamatkan perkhidmatan.

Tuan Yang Terutama telah menyerahkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 13 September 2023.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

DPMM berkenan menerima mengadap

**Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, pagi tadi berkenan menerima mengadap Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura, Yang Berhormat Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim yang berlangsung di Qashr Al-Meezan.

Menyertai Yang Berhormat pada Majlis Mengadap tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Laurence Bay; Ketua Eksekutif Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Tuan Kadir Maideen; dan Timbalan Mufti MUIS, Dr. Mohd. Murat Md.

Aris.

Juga hadir ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Yang Berhormat mengadakan lawatan ke negara ini selama dua hari dan ini merupakan lawatan pengenalan Yang Berhormat ke NBD sejak pelantikannya elaku Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwal Dalam Negeri pada 23 Mei 2025.

Selain itu, lawatan ini juga memberi peluang kepada kedua-dua buah negara untuk



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, berkenan menerima mengadap Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura, Yang Berhormat Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim.

memperkukuhkan hubungan dua hala dalam bidang-bidang yang berkepentingan bersama, termasuk hal ehwal ugama.

Brunei Darussalam dan

Republik Singapura baru-baru ini juga telah mengesahkan kembali komitmen untuk mendokong hubungan istimewa dan unik yang telah lama terjalin melalui

Program Pemimpin-Pemimpin Muda Ke-11 (Young Leaders' Programme - YLP) yang diadakan di Bandar Seri Begawan pada 3 hingga 4 November 2025.

DPMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP PERPISAHAN

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo yang akan menamatkan perkhidmatan (kanan dan kanan sekali).



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, pagi tadi berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama

Xiao Jianguo yang akan menamatkan perkhidmatan.

Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo telah menyebarkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam pada 13 September 2023.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan acara olahraga pada hari ketiga bagi Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14). Turut berangkat dan menyertai Separuh Akhir Larian 200 meter (m) bagi Kategori Perempuan ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (atas dan bawah kanan).

BERAKAS, Selasa, 25 November. - Hari ketiga bagi Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14) diteruskan lagi pagi tadi dengan acara olahraga yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Berangkat menyaksikan acara olahraga berkenaan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Atur cara dimulakan dengan kategori Lontar Peluru



Perempuan yang dimenangi oleh Lina Hisage dari Republik Indonesia, diiringi dengan Nur Syazliana dan Sasha Alyssa Philip di tempat kedua dan ketiga, masing-masing berasal dari Malaysia.

Acara kemudiannya diteruskan dengan kategori Lontar Cakera Lelaki yang menyaksikan Korapat Pongsiripun dari Thailand merangkul pingat emas, sementara pingat perak dan gangsa pula masing-masing dimenangi oleh Ding Rong Anson Loh dari Republik

Berangkat saksikan acara olahraga ASG14

Singapura dan Zachary Lawig dari Republik Filipina.

Kejohanan diikuti dengan perlawanan separuh akhir bagi acara Larian 200 meter (m) bagi kedua-dua kategori Lelaki dan Perempuan.

Separuh Akhir Larian 200m bagi Kategori Perempuan berkenaan disertai oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Pada sebelah petang pula, juara bagi perlawanan akhir acara Larian 200m Lelaki pula disandang oleh Danish Irfan bin Tamrin dari Malaysia dengan meraih pingat emas, diikuti dengan Kian Labar dari Republik Filipina di tempat kedua dengan pingat perak dan Airlie Amani bin Kahar merangkul pingat gangsa.

Dalam acara Larian 200m Perempuan, Francene Jhobie Rosario dari Republik Filipina merangkul pingat emas, diikuti oleh Girsha Imanuela Saimima dari Republik Indonesia meraih perak dan Nor Aliya Najihah dari Malaysia memperoleh gangsa.

Manakala, acara Larian 800m Perempuan menyaksikan Ma. Emely Balunan dari Republik

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Filipina mendominasi dengan meraih emas, sementara Gendis Aulia Syafitri dari Republik Indonesia meraih perak dan Farisya Amani dari Malaysia memperoleh gangsa.

Sementara itu, dalam acara Lompat Kijang Lelaki, Rico Andrew dari Malaysia berjaya meraih pingat emas, dengan dua atlet Republik Filipina, Efosa John Paul Aguinaldo dan Cesar I. Manliguez, masing-masing meraih perak dan gangsa.

Penyampaian pingat-pingat berkenaan kepada para pemenang disempurnakan oleh Pengarah Pusat Serantau SEAMEO VOTTECH, Awang Haji Norjemee bin Jenek.

ASG14 berkenaan menyaksikan sebanyak 10 negara anggota ASEAN mengambil bahagian dalam temasya sukan yang menawarkan lapan acara sukan termasuk Sepak Takraw, Badminton, Renang dan Wushu.



PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN SUKAN SEA KE-33

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan berangkat ke Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, 2025 (atas kiri dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien hari ini berkenan berangkat ke Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, 2025.

Majlis Penyerahan Bendera Negara disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC).

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah

di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang, diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam sembah alu-aluannya, Yang Berhormat menjelaskan, pemilihan para atlet adalah hasil kerja keras dan komitmen masing-masing dalam menjalankan latihan yang dijadualkan.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat dalam sembahnya mengingatkan para atlet agar menunjukkan prestasi yang terbaik dengan memberikan persaingan yang sihat kepada atlet-atlet dari negara-negara ASEAN yang lain.

Yang Berhormat dalam sembahnya turut mendoakan kejayaan dan keselamatan kontinjen NBD di Temasya Sukan SEA Ke-33.

"Semoga atlet-atlet akan

bertanding dengan penuh keyakinan, semangat juang, dan disiplin yang tinggi, serta membawa pulang pencapaian dan kejayaan yang membanggakan.

"Setiap penyertaan bukan sahaja peluang untuk mencapai kejayaan, tetapi juga untuk membina jaringan persahabatan dengan atlet dan pegawai sukan dari negara lain serta memupuk nilai kesukanan yang menjadi asas kepada pembangunan sukan negara," sembah Yang Berhormat.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah kemudiannya berkenan mengurniakan sabda ucapan, sebelum menyempurnakan Penyerahan Bendera NBD kepada Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim selaku Chef de Mission kontinjen negara.

Sukan SEA merupakan antara kejohanan sukan paling berprestij di rantau Asia Tenggara dan edisi kali ini akan berlangsung di Bangkok serta dua wilayah lain iaitu Chonburi dan Songkhla, Thailand, dari 9 hingga 20 Disember 2025.

Menyemarakkan lagi penyertaan negara pada temasya kali ini ialah penglibatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, yang akan bersaing dalam acara polo bagi kategori Low Goal dan High Goal.

NBD akan menghantar seramai 135 kontinjen, termasuk 65 atlet yang akan bertanding dalam sembilan acara sukan daripada 54 acara yang dipertandingkan.

Acara sukan tersebut ialah Akuatik Renang, Angkat Berat, Bola Jaring, Karate, Pencak Silat, Polo, Sepak Takraw, Taekwondo dan Wushu.

Para atlet akan diiringi pegawai bertugas serta pasukan urus setia yang akan memastikan prestasi dan kebajikan atlet sentiasa berada pada tahap terbaik sepanjang kejohanan.

Pada tahun 2023, Sukan SEA Ke-32 yang berlangsung di Phnom Penh, Kemboja menyaksikan kontinjen negara membawa pulang dua pingat emas melalui sukan wushu; satu

pingat perak melalui sukan pencak silat; dan enam pingat gangsa menerusi sukan karate, pencak silat, wushu dan badminton.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah turut berkenan berangkat melawat bilik pejabat Sistem Kebajikan Negara (SKN).

Dalam sembah aklamit, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin Haji Johari menerangkan mengenai fungsi dan objektif SKN sebagai platform permohonan bantuan serta peranannya dalam menyokong usaha pembasmian kemiskinan berasaskan data dan maklumat yang komprehensif.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Diraja Thailand di NBD, Kittivudh Pinyowit; Setiausaha-setiausaha Tetap KKBS; Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan; persatuan-persatuan sukan kebangsaan; serta para ibu bapa atlet.

Kekalkan disiplin, jauhi bahan terlarang

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) bersabda menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atas sokongan yang diberikan kepada BDNOC dalam persiapan kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Sukan SEA Ke-33.

Duli Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bersabda demikian pada Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen NBD ke Sukan SEA Ke-33 Thailand 2025.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda, sokongan tersebut membolehkan negara menghantar seramai 65 atlet, terdiri daripada 42 atlet lelaki dan 23 atlet wanita, yang akan bersaing dalam sembilan acara sukan iaitu Akuatik Renang, Karate, Bola Jaring, Pencak Silat, Polo, Sepak Takraw, Taekwondo, Angkat Berat dan Wushu.

DYTM turut bersabda merakamkan ucapan tahniah kepada semua atlet yang terpilih setelah melalui proses penilaian oleh Jawatankuasa Tertinggi

Penilaian dan Pemilihan, sambil menekankan bahawa atlet-atlet berkenaan merupakan barisan terbaik negara dalam sukan masing-masing.

Sabda DYTM, pemilihan tersebut merupakan peluang bagi atlet membuktikan kemampuan sebagai atlet kebangsaan yang bukan sahaja mampu memberikan saingan kepada lawan, bahkan berpeluang mencapai matlamat utama mereka iaitu meraih pingat serta mengharumkan nama sendiri dan nama NBD di Sukan SEA.

"Janganlah disia-siakan kesempatan yang diamanahkan dan diberikan ini," sabda DYTM.

Seramai 14 jurulatih dan 20 pegawai urus setia, termasuk seorang Chef de Mission dan seorang Assistant Chef de

Mission akan turut mengiringi kontinjen negara ke temasya berprestij tersebut.

Dalam sabda, DYTM turut mengingatkan para atlet dan pegawai kontinjen negara agar menjauhkan diri dari sebarang bahan terlarang serta mematuhi akta dan peraturan Anti-Doping yang dikuatkuasakan oleh World Anti-Doping Agency (WADA).

DYTM bersabda menekankan keperluan menjaga disiplin dan memikul amanah negara dengan baik sepanjang berada di Sukan SEA demi menjaga nama baik NBD.

Seterusnya, DYTM juga bersabda menyeru pegawai dan jurulatih untuk memastikan keselamatan para atlet daripada sebarang gangguan mental dan fizikal serta penderaan selaras dengan matlamat perlindungan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan mengurniakan sabda.

atlet (*Safeguarding Athlete*) yang sentiasa menjadi perhatian BDNOC.

MENGUKUHKAN KERJASAMA DUA HALA DALAM PERKHIDMATAN UGAMA



>> Muka 1

Kunjungan hormat berkenaan diadakan di Conference Room, Main Building, The Empire Brunei.

Semasa kunjungan hormat berkenaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura telah berbincang mengenai usaha

menguatkan lagi kerjasama dua hala antara kedua-dua buah negara, khususnya dalam perkhidmatan ugama antara Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Hadir sama pada majlis kunjungan hormat berkenaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menerima kunjungan hormat daripada Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura, Yang Berhormat Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim (kiri dan kanan).

Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; dan Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, KHEU, Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim.

Sejurus selepas kunjungan hormat, Majlis Makan Malam telah diadakan di Pantai Restaurant, The Empire Brunei, dihoskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis berkenaan bertujuan untuk meraikan Yang Berhormat Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim bersama delegasi sekali gus memupuk hubungan dua hala yang lebih erat antara kedua-dua buah negara dalam bidang hal ehwal ugama dan pendidikan Islam.

Selain itu, membuka ruang untuk

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



bertukar pandangan mengenai inisiatif yang memberi manfaat kepada pembangunan umat Islam sambil menzahirkan semangat persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua pihak dalam suasana mesra.

Juga hadir pada Majlis Makan Malam berkenaan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang

Terutama Laurence Bay; Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Mr. Shawn Grosse; Setiausaha Tetap, KHEU; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim; ketua-ketua jabatan dan bahagian serta para pegawai kanan KHEU.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN RAIKAN 85 PELAJAR ITQSHHB

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 November. - Seramai 85 orang pelajar yang terdiri daripada 43 pelajar lelaki dan 42 pelajar perempuan daripada Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) diraikan pagi tadi pada Majlis Khatam Hafaz 30 Juz Al-Quran, yang berlangsung di musolla, institut berkenaan, di sini.

Majlis khatam itu merupakan salah satu acara tahunan ITQSHHB yang meraikan pencapaian penting setiap pelajar dalam mengkhatamkan hafazan 30 juz sebelum mereka menamatkan pengajian.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, selaku Pengerusi Lembaga ITQSHHB.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas yang dipimpin oleh Awang Ahmad Mujib bin Haji Abdurrahman, dan diteruskan dengan bacaan Doa Khatam oleh Awang Abdul Hadi Muaiyyad bin Haji Azrol, kedua-duanya merupakan peserta Khatam Hafaz 30 Juz Al-Quran ITQSHHB.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Majlis Khatam Hafaz 30 Juz Al-Quran, yang berlangsung di musolla, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Acara diserikan lagi dengan penyampaian Sijil Khatam Hafaz 30 Juz Al-Quran yang disampaikan oleh Yang Berhormat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran oleh Awang Syazwan bin Mohd. Sidek, manakala Doa Peliharakan Sultan

pula dibacakan oleh Awang Razin Hazim bin Abd Razak, juga merupakan para peserta Khatam Hafaz 30 Juz Al-Quran ITQSHHB.

Turut hadir, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Setiausaha Tetap

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd.

Karim; serta para jemputan khas, pengetua, timbalan-timbalan pengetua, para pegawai dan pensyarah; guru-guru serta para ibu bapa pelajar yang diraikan.

MANFAATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI, KERJASAMA STRATEGIK

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hasif Matzin



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas kanan). Manakala gambar atas, antara yang membentangkan pembentangan pada majlis tersebut.

JERUDONG, Selasa, 25 November. - Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah (IPPSSHHB), Kementerian Pertahanan, pagi tadi mengadakan Seminar East Asia Security Outlook (EASO) yang ke-13 dengan tema, 'Borneo as a Nexus: Key to Regional Advancement and Sustainability' bertempat di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof.

Diadakan kali terakhir pada tahun 2019, penganjuran semula Seminar EASO ini berlangsung

pada waktu yang signifikan, ketika dinamik geopolitik serantau sedang pesat berubah, cabaran keselamatan baharu dan kompleks semakin muncul, dan meningkatnya semula minat terhadap kepentingan strategik Borneo.

Dalam konteks ini, seminar tersebut meneliti pelbagai kesan luaran yang berkaitan dengan keterhubungan ekonomi dan pembangunan di Borneo, di mana projek-projek utama serantau dan kepentingan kuasa bertembung dengan isu penghijrahan, kemerosotan alam sekitar, serta ancaman rentas sempadan.

Selain itu, seminar turut menilai bagaimana Negara Brunei Darussalam (NBD) dan rakan-rakan serantau dapat memanfaatkan pertumbuhan



ekonomi, kerjasama strategik, dan pembangunan mampan bagi memastikan rantau Asia-Pasifik kekal stabil dan berorientasikan kepentingan rakyat.

Bagi edisi ke-13 ini, Profesor Ooi Keat Gin dari Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, telah menyampaikan ucapama dengan menyingkap kembali sejarah peminggiran Borneo dan meneliti kebangkitan semulanya sebagai pusat penghubung penting di Asia Tenggara.

Dengan menelusuri perubahan kepentingan geopolitik dan ekonomi pulau tersebut, bermula dari era kerajaan maritim NBD hinggalah ke zaman pasca-perang, beliau memperkenalkan konsep 'Borneo as a Nexus' iaitu saranan untuk meletakkan semula kedudukan strategik Borneo melalui pemerkasaan sumber strategik, modal insan dan sumber alamnya, serta mencadangkan langkah-langkah untuk pembangunan masa hadapan.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, kemudiannya menyampaikan cenderamata penghargaan kepada Profesor Ooi Keat Gin atas sumbangan beliau selaku penyampai ucapama seminar.

Sesi - sesi berikutnya menampilkan pembentangan oleh sembilan penceramah terkemuka yang mewakili institusi ternama, iaitu Centre for Strategic and International Studies (Republik Indonesia); Institute of Strategic and International Studies Malaysia (Malaysia); National Defence University of Malaysia (Malaysia); National Research and Innovation Agency (Republik Indonesia); Rabdan Security and Defence Institute (Emiriah Arab Bersatu); Standard Chartered Bank (NBD); dan Universiti Brunei Darussalam (NBD).

Seminar telah dihadiri oleh lebih 200 peserta, termasuk ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB),

pengarah-pengarah dan pegawai kanan Kementerian Pertahanan, serta para Atase Pertahanan dan Penasihat Pertahanan negara-negara sahabat yang bertugas di NBD.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai dari JPM, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, Pasukan Polis Diraja Brunei, serta institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2009, Seminar EASO merupakan salah satu program utama anjuran IPPSSHHB, Kementerian Pertahanan, yang bertujuan menyediakan platform untuk dialog mengenai landskap strategik rantau Asia Timur dan kawasan sekitarnya, di samping memupuk penglibatan pegawai-pegawai pertahanan dan keselamatan dalam membincangkan isu-isu berkaitan pertahanan, strategik dan keselamatan serantau.

Sesi muzakarah kongsi usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JERUDONG, Selasa, 25 November. - Sesi muzakarah Kementerian Kesihatan bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah diadakan pada hari ini, bertempat di EVYD Technology, Kampung Jerudong.

Seramai 13 Ahli MMN telah menghadiri sesi muzakarah berkenaan yang diketuai oleh Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Sebelum sesi muzakarah bermula, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN telah membuat lawatan ke Perkhidmatan Epidemic

Intelligence and Response Unit (EIRU) serta ruang pameran EVYD Technology.

Sesi muzakarah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai dari Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Awang Haji Mohd. Emmarul bin Haji Azmain.

Majlis kemudian diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham

bin Haji Jaafar, selaku Pengerusi Majlis Muzakarah.

Yang Berhormat dalam ucapannya, menekankan komitmen kementerian terhadap sistem penjagaan kesihatan yang berdaya tahan, mampan, berpanduan data serta penggunaan teknologi moden.

Antara inisiatif utama yang diketengahkan tambah Yang Berhormat, ialah penubuhan Epidemic Intelligence and Response Unit (EIRU) pada 2023 untuk pengurusan penyakit yang lebih baik dan integrasi Kecerdasan Buatan (AI) melalui aplikasi Bruhealth 5.0 serta program SELENA+ bagi

YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya.

pengesanan awal penyakit kronik seperti diabetes dan kanser.

"Kementerian Kesihatan turut memberi tumpuan kepada pengurusan kos, promosi kesihatan awam serta pelaksanaan ujian Human Papillomavirus (HPV) di seluruh negara bagi tujuan saringan kanser serviks," ujar Yang Berhormat lagi.

Ucapan berkenaan juga antara lain bertujuan untuk memupuk pendekatan Whole of Nation dan mengukuhkan usaha kolaboratif bersama Yang Berhormat Ahli-ahli MMN serta orang awam bagi memastikan kesejahteraan rakyat. Sejurus selepas itu, Yang Berhormat Awang Lau How Teck selaku ketua rombongan bagi Ahli-ahli MMN turut menyampaikan ucapan balas pada majlis berkenaan.

Majlis diteruskan dengan sesi dialog di antara Yang Berhormat Ahli-ahli MMN dan pihak Kementerian Kesihatan. Dialog yang berlangsung dalam suasana



penuh silaturahim, muhibah dan secara terbuka berkenaan menjadi wadah untuk berkongsi idea, maklumat, isu, pandangan dan cadangan yang diharap dapat memberi manfaat kepada Kementerian Kesihatan dalam usahanya meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan demi kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; serta ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan.

YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa menghadiri sesi muzakarah berkenaan.



TERUS BERKEMBANG MAJU SEIRING ARUS GLOBALISASI, TRANSFORMASI DIGITAL



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Negara (MMN) pada Sesi Muzakarah di antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bersama Yang Berhormat Ahli-ahli MMN yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat, Tingkat 4, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 November. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya akan terus melaksanakan inisiatif strategik dan pembaharuan yang telah dirancang selaras dengan Pelan Strategik KHEDN bagi tahun 2023 hingga 2027, demi mendukung pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menekankan demikian dalam ucapan alu-aluannya semasa mempengerusikan Sesi Muzakarah di antara KHEDN bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang diadakan di Bilik Mesyuarat, Tingkat 4 Jabatan Daerah Brunei

dan Muara, di sini.

Justeru itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berharap agar sesi muzakarah pada kali ini tidak hanya tertumpu kepada perbincangan mengenai isu-isu atau cabaran sedia ada, namun sebaliknya menggalakkan agar penumpuan perbincangan diberikan kepada cadangan serta saranan strategik yang dapat menyumbang kepada pembangunan KHEDN khasnya dan negara amnya sama ada untuk jangka masa pendek, sederhana mahupun panjang.

Pendekatan sebegini, tegas Yang Berhormat, adalah amat penting bagi membantu Kementerian ini dan Negara Brunei Darussalam secara keseluruhan untuk terus berkembang maju seiring dengan arus globalisasi

dan transformasi digital, dalam usaha kita mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Menurut Yang Berhormat, pihak KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya telah secara berterusan dan khasnya di antara bulan September 2024, iaitu sejak sesi terakhir muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-ahli MMN diadakan sehingga November 2025, telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan pembaharuan yang merangkumi beberapa aspek antaranya dari segi kesejahteraan dan Kemaslahatan Masyarakat; Pembangunan Sosioekonomi; Memeduli Golongan Rentan; Menangani Bencana dan Insiden Kebakaran; serta Pengukuhan Perundangan dan Perhubungan Antarabangsa.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

"InsyaaAllah, inisiatif-inisiatif ini, akan dapat kita sama-sama saksikan melalui tayangan video berdurasi 18 minit yang akan dimainkan sebentar sahaja lagi," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat Ahli-ahli MMN juga berpeluang menyaksikan tayangan video pencapaian KHEDN yang memaparkan inisiatif, perkembangan dan hasil usaha strategik Kementerian, selain berinteraksi dengan lebih dekat lagi bersama pihak pengurusan eksekutif KHEDN serta ketua-ketua jabatan dan bahagian.

Sesi Muzakarah ini bertujuan untuk mengongsikan inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan serta perancangan-perancangan strategik KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya, serta percambahan fikiran mengenai apa jua perkara atau isu ke arah kesejahteraan rakyat dan

penduduk serta kemakmuran negara.

Acara seumpama ini menjadi wadah yang memberikan peluang kepada Yang Berhormat Ahli-ahli MMN untuk berinteraksi secara aktif, bertanya secara langsung, meneliti dan memahami secara lebih dekat fungsi, peranan serta perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Di samping itu, acara seumpama ini juga adalah wadah untuk menyokong perkembangan ekonomi komuniti dan seterusnya menggalakkan orang ramai untuk berkunjung dan mengenali produk tempatan dari Satu Kampung Satu Produk (1K1P) dan Produk INSAP yang dipamerkan di petak-petak jualan.

Pada tahun ini, sesi muzakarah sekali lagi diselenggarakan dengan acara hari terbuka KHEDN iaitu Kenali KementerianKu.

NBD, Kesultanan Oman perkukuhkan kerjasama untuk manfaat bersama



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hasif Matzin

JERUDONG, Isnin, 24 November. - Hubungan persahabatan kekal antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kesultanan Oman telah

berkembang dengan kukuh selama empat dekad yang lalu.

Ke arah itu, Kesultanan Oman malam tadi meraikan acara

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan isteri hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan upacara pemotongan kek sambutan bersama Puan Yang Terutama Duta Besar Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam.

kegemilangannya sempena menyambut Hari Kebangsaan negara tersebut yang diadakan di Royal Berkshire, Royal Brunei Polo & Riding Club, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan isteri, Yang Mulia Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato PadukaHaji Abdul Jalil.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan NBD

'Allah Peliharakan Sultan' dan disusuli dengan Lagu Kebangsaan Kesultanan Oman.

Selepas itu, majlis diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Duta Besar Kesultanan Oman ke NBD, Puan Yang Terutama Erma Said Mohamed Al Kathiry.

Dalam ucapannya, Puan Yang Terutama Duta Besar Kesultanan Oman ke NBD antara lain menggariskan mengenai pendekatan diplomatik yang berakar umbi dalam keadilan, dialog, dan penghormatan terhadap undang-undang antarabangsa.

Dalam semangat ini, jelas Puan Yang Terutama, Oman menegaskan semula sokongannya terhadap hak sah rakyat Palestin, menyeru penyelesaian dua-negara sebagai jalan kepada keamanan yang berkekalan, sambil

mempromosikan de-eskalasi dan perlindungan terhadap orang yang tidak bersalah.

Sejurus selepas itu, majlis diteruskan dengan tayangan video dokumentari mengenai Kesultanan Oman serta penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat majlis, dan seterusnya penyampaian sejambak bunga kepada Yang Mulia Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila yang disampaikan oleh Puan Yang Terutama.

Acara diserikan lagi dengan upacara pemotongan kek sambutan oleh tetamu kehormat serta isteri bersama Puan Yang Terutama, dan kemudian sesi bergambar ramai.

NBD dan Kesultanan Oman akan terus mengukuhkan kerjasama dalam menggalakkan persefahaman dan persahabatan demi kepentingan rakyat kedua-dua negara.

PLATFORM MENYAMPAIKAN MAKLUMAT TERKINI DASAR, INISIATIF, PERKHIDMATAN BAHARU

BERAKAS, Isnin, 24 November. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman berucap bahawa acara Kenali KementerianKu pada tahun ini merupakan kesinambungan daripada Hari Terbuka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah diadakan pada tahun 2023 yang bertujuan untuk memperluaskan lagi hubungan dan mempamerkan sifat keterbukaan kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan masyarakat awam.

"Melalui platform ini, kementerian berpeluang menyampaikan maklumat terkini mengenai dasar-dasar, inisiatif serta perkhidmatan baharu yang digubah berasaskan keperluan rakyat.

"Acara ini juga merupakan ruang terbaik untuk memperlihatkan transformasi digital, inovasi perkhidmatan serta pencapaian utama yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian serta jabatan-jabatan di bawahnya dalam memacu tadbir urus yang lebih efisien, telus, berintegriti dan *citizen-centric*," jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada Majlis Perasmian Kenali KementerianKu Tahun 2025 berlangsung di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, hari ini.

Yang Berhormat seterusnya menggariskan, antara transformasi digital yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) ialah melalui penggunaan Sistem eGate di pintu masuk Lapangan

Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

Inovasi itu kata Yang Berhormat, memendekkan masa pemeriksaan imigresen, meningkatkan pemeriksaan keselamatan dan menjadikan proses keluar masuk lebih selesa dan efisien.

Selain itu, tambah Yang Berhormat lagi, JIPK juga giat meluaskan penggunaan khidmat digital bagi permohonan pasport, lesen pekerja asing dan dokumen perjalanan, yang memungkinkan orang ramai mengakses perkhidmatan penting dengan lebih cepat dan mudah.

Ujar Yang Berhormat, dalam aspek keselamatan dan kesiapsiagaan awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat turut memperkenalkan kenderaan bomba baharu yang dilengkapi teknologi moden termasuk sistem penyemburan tekanan tinggi, sensor keselamatan terkini serta peralatan khas untuk menangani bencana di kawasan perumahan, perairan dan bangunan tinggi.

"Usaha ini turut diperkukuh dengan penggunaan sistem pemantauan aset berasaskan data yang membolehkan status operasi, penyelenggaraan dan kesiapsiagaan dipantau secara *real time*.

"Peningkatan aset dan penggunaan sistem ini mencerminkan komitmen berterusan dalam melindungi nyawa, harta benda serta meningkatkan respons kecemasan negara," jelas Yang Berhormat.

Jabatan Penjara, Yang Berhormat menyatakan juga

sedang memperkukuh kecekapan pengurusan keselamatan dan pentadbiran melalui pelaksanaan inisiatif sistem berteknologi digital bagi pengurusan aset kritikal dan hal ehwal banduan. Ini bertujuan bagi meningkatkan keselamatan, mempercepat operasi harian dan memperkukuh keberkesanan kawal selia banduan.

Dari aspek pengurusan bencana pula tambahnya, ia akan terus diperkukuh melalui penyatuan saluran panggilan kecemasan dan penggunaan aplikasi mudah alih yang membolehkan orang awam melaporkan insiden dengan cepat melalui pelbagai medium seperti mesej, gambar dan video.

Pendekatan itu jelas Yang Berhormat, memudahkan masyarakat mendapatkan bantuan melalui satu laluan komunikasi yang lebih pantas, tepat dan efisien, sambil menyokong tindakan segera pasukan penyelamat dengan maklumat lokasi dan situasi yang lebih jelas.

Di samping itu, tambahnya lagi, Jabatan-jabatan Bandaran sedang meningkatkan penggunaan sistem pengurusan bandar pintar, seperti pembayaran digital, aduan awam secara dalam talian serta perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan lesen perniagaan yang lebih mudah diakses melalui platform digital. Langkah ini seiring dengan usaha negara ke arah perbandaran yang lebih bersih, hijau dan mampan.

Yang Berhormat seterusnya menerangkan, Jabatan-jabatan Daerah turut melaksanakan inisiatif yang menyokong transformasi digital melalui penaiktarafan dan

pengintegrasian aplikasi pengundian Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, penyediaan kemudahan pembayaran dalam talian serta memudahkan proses permohonan pengesahan bantuan menggunakan platform digital.

"Pendekatan ini memudahkan orang ramai membuat urusan dengan lebih cepat, telus dan efisien, sekali gus memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam yang berorientasikan rakyat.

"Antara komponen signifikan dalam acara ini ialah Karnival 1K1P (Satu Kampung Satu Produk) yang bukan sahaja mempromosikan hasil produk kampung, tetapi juga menggalakkan pembangunan ekonomi setempat melalui penglibatan usahawan kecil dan sederhana," ujarinya lagi.

Tambah Yang Berhormat, lebih daripada 40 pengusaha tempatan menyertai karnival ini, termasuk produk INSAF yang dihasilkan sebagai sebahagian aktiviti pemulihan banduan. Turut memeriahkan suasana ialah penyertaan *food trucks* dan pengusaha makanan tempatan, yang menunjukkan keterlibatan komuniti secara lebih meluas dalam program pembangunan usahawan negara.

Tidak ketinggalan kongsi Yang Berhormat, Siri Taklimat (*Talk Series*) turut diadakan, merangkumi topik-topik yang memberi manfaat terus kepada rakyat seperti dasar buruh, peraturan imigresen, pengurusan kemudahan bandar dan garis panduan hiburan awam.

Siri taklimat itu jelasnya, menyediakan ruang kepada orang

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika berucap.

ramai untuk mendapatkan penjelasan jelas, tepat dan terus daripada pegawai yang bertanggungjawab.

Sehubungan itu, Yang Berhormat menyeru semua pengunjung untuk memanfaatkan peluang ini dengan mengunjungi setiap petak pameran yang disediakan. Jadikan acara ini sebagai platform keterbukaan, komunikasi dua hala serta perkongsian pandangan secara langsung, demi memperkukuhkan lagi mutu Perkhidmatan Awam negara.

"Semoga kerjasama erat antara kerajaan dan rakyat dapat diteruskan dalam semangat ke arah negara maju yang berwawasan, stabil dan inklusif," ujar Yang Berhormat.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian majlis berkenaan

BERAKAS, Isnin, 24 November. - Acara Kenali KementerianKu merupakan platform untuk membarigakan maklumat terkini berkaitan dasar-dasar semasa, inisiatif - inisiatif baharu, perkhidmatan - perkhidmatan, akta-akta serta peraturan-



Perasmian Kenali KementerianKu



produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P) sebagai sokongan kepada pengusaha tempatan. Program *Talk Series* juga turut diadakan di sepanjang acara itu sebagai satu lagi platform untuk berinteraksi dengan orang ramai termasuk pihak-pihak yang berkepentingan.

Di samping itu, lawatan ke petak-petak pengusaha 1K1P dan peniaga-peniaga *food truck*, jualan produk INSAF dari Jabatan Penjara dan Aftercare Support Association (AFSA) serta produk TUNAS. Juga dipamerkan ialah pameran statik sebuah jentera Water Tender Ladder (WRL) serta beberapa aktiviti menarik disediakan untuk para pengunjung.

Selain itu, Kenali KementerianKu turut menampilkan rakaman *Live Podcast* bersama Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung yang bertujuan untuk menggalakkan perkongsian pandangan, pengalangan dan inisiatif kepimpinan akar umbi melalui perbincangan santai dan sesi soal jawab secara interaktif.

Acara hari ini juga diselenggarakan dengan Sesi Muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-ahli MMN bertempat di Bilik Mesyuarat, Tingkat 4, Jabatan Daerah Brunei Muara yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk mengunjungi Kenali KementerianKu dan ikut serta dalam program *Talk Series* sepanjang ia diadakan. Maklumat lanjut mengenai acara ini boleh diperolehi melalui laman sesawang www.moha.gov.bn atau Instagram rasmi @mohabrunei.

peraturan yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya serta maklumat berkaitan dengan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung kepada orang ramai termasuk agensi-agensi kerajaan, pihak syarikat swasta dan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs).

Sehubungan itu, perasmian majlis yang berlangsung di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, hari ini telah disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat.

Hadir sama, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap,

Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua bahagian di KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya termasuk pemimpin akar umbi daripada kalangan Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung.

Pada majlis berkenaan, Yang Berhormat juga melancarkan Kedai Kampung yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Kasat.

Kedai Kampung itu merupakan inisiatif bagi mengaktifkan penggunaan Kantin Dewan Muhibbah melalui penyediaan hidangan berkonsepkan masakan kampung yang diusahakan bersama oleh Ahli-ahli MPMK, sepertimana konsep koperasi.

Acara yang diadakan selama tiga hari sehingga 26 November itu juga turut disediakan ruang jualan

BERSAMA MENDUKUNG STRATEGI KELESTARIAN KEWANGAN



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Darussalam Central Bank hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 November. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah melancarkan Brunei Darussalam Sustainable Finance Roadmap Brunei Darussalam (SFR), bertemakan Sektor Kewangan yang Lestari dan Berdaya Tahan Iklim atau 'A Sustainable and Climate-Resilient Financial Sector'.

SFR berfungsi sebagai panduan strategik bagi sektor kewangan Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk menerapkan dan mengintegrasikan kewangan lestari, termasuk langkah-langkah adaptasi dan mitigasi perubahan iklim.

Hala tuju strategik dalam SFR bertujuan untuk menetapkan asas bagi pelaksanaan kewangan lestari dengan memastikan pendekatan yang adil, teratur, dan secara pendekatan senegara bagi pelaksanaan yang berkesan di seluruh sektor kewangan.

SFR disandarkan kepada dua objektif utama iaitu menyokong agenda kelestarian NBD seperti yang digariskan di dalam Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan NBD (BNCCP), Economic Blueprint for Brunei Darussalam, dan Brunei Darussalam Financial Sector Blueprint (FSBP); juga menyokong dan memperkukuhkan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh sektor kewangan untuk menangani risiko-risiko berkaitan kelestarian.

Majlis pelancaran telah dirasmikan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku tetamu kehormat.

Acara juga turut dihadiri oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah BDCB, serta pegawai-pegawai kanan dan wakil-wakil dari BDCB,

agensi-agensi kerajaan berkaitan dan industri kewangan.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menekankan kepentingan yang semakin meningkat untuk mengintegrasikan pertimbangan mengenai Alam Sekitar, Sosial Dan Tadbir Urus (ESG) dalam sektor kewangan.

Yang Berhormat turut mengetengahkan potensi bagi kewangan lestari Islam yang berteraskan Maqasid Al-Syariah, serta menggesa industri berkenaan untuk memperkukuhkan lagi strategi kelestarian, meningkatkan ketelusan, dan bekerjasama rapat dengan kerajaan dan rakan perkembangan.

SFR menggariskan komitmen NBD untuk bekerjasama rapat dengan rakan serantau dalam memajukan objektif kelestarian bersama.

Melangkau sempadan domestik, pelan hala tuju ini selaras serta menyokong hala tuju lebih luas Komuniti ASEAN, ketika ASEAN terus melangkah ke hadapan dalam agenda kewangan lestari melalui inisiatif seperti ASEAN Taxonomy for Sustainable Finance, ASEAN Transition Finance Guidance, dan ASEAN Green, Social, and Sustainability Bond Standards.

Dengan memanfaatkan dan mengguna pakai inisiatif ini mengikut konteks tempatan, jelas Yang Berhormat, NBD dapat mempercepat peralihan hijau domestik sambil meningkatkan aliran modal rentas sempadan, menyediakan kejelasan dan keyakinan kepada pelabur yang ingin menyokong projek-projek lestari.

Pada masa yang sama, pendekatan ini mengukuhkan kedayatahan kolektif ASEAN terhadap risiko iklim dan peralihan melalui pengukuhan rangka

kerja yang diselaraskan untuk menangani cabaran ini dalam sektor kewangan.

Peralihan ke arah kelestarian bukan sahaja satu keperluan, tetapi juga satu peluang untuk membentuk NBD yang rendah karbon, inklusif dan bersedia menghadapi masa depan, di mana pertumbuhan ekonomi dicapai seiring dengan kesejahteraan sosial dan alam sekitar.

Yang Berhormat turut menyeru industri kewangan agar meneruskan perjalanan tersebut dengan mengintegrasikan kelestarian ke dalam strategi dan pengurusan risiko; meningkatkan ketelusan; memperkenalkan penyelesaian pembiayaan inovatif; dan bekerjasama dengan kerajaan serta institusi pembangunan untuk memperbesarkan projek pelaburan yang berdaya maju.

Sementara itu, Pengarah Urusan BDCB, Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, dalam ucapan alu-aluan berkata, sektor kewangan memainkan peranan penting dalam menyalurkan sumber kepada projek dan pelaburan yang bukan sahaja menjana pulangan ekonomi tetapi juga membawa impak alam sekitar dan sosial yang bermakna.

"Misi kita jelas iaitu untuk menjadikan kewangan lestari sebagai amalan utama dengan mengintegrasikannya secara menyeluruh ke dalam strategi perniagaan teras, pengurusan risiko dan tadbir urus," katanya.

Pada masa hadapan, tambah beliau, BDCB akan terus bekerjasama rapat dengan semua pihak berkepentingan bagi membina asas yang kukuh dan menyokong bagi kewangan lestari.

"Ini termasuk menyokong pembangunan bahasa bersama, menambah baik amalan pendedahan maklumat, mengintegrasikan risiko iklim dalam penyeliaan kewangan

dan memastikan pertimbangan kelestarian diambil kira dalam dasar pengawalan kewangan secara menyeluruh," katanya.

Acara juga menampilkan pembentangan bertajuk 'Beyond the S-Curve: Advancing Sustainable Finance in Brunei Darussalam' oleh Penasihat bagi Capacity-building Alliance of Sustainable Investment (CASI), Dr. Adam Ng, diikuti dengan sesi panel 'Brunei Darussalam's Climate Commitments: Building the Foundation for Sustainable Finance'.

Panel menghimpunkan wakil-wakil dari BDCB, Pejabat Perubahan Iklim Brunei (BCCO) di Jabatan Perdana Menteri, BIBD Securities Sdn. Bhd., dan Universiti Brunei Darussalam (UBD), yang mengongsikan padangan mengenai peluang serta usaha kerjasama yang diperlukan untuk memajukan lagi kewangan lestari di NBD.

Dalam perjalanan strategik BDCB dalam kewangan lestari, BDCB telah diamanahkan untuk menerajui sebagai Pengerusi ASEAN Taxonomy Board (ATB) sejak 2021, dan telah memainkan peranan penting dalam membimbing hala tuju dan keutamaan serantau dalam bidang ini.

Di bawah pimpinan BDCB, beberapa pencapaian utama telah dicapai, termasuk pelancaran Versi 1-4 Taksonomi ASEAN, yang menubuhkan rangka kerja berasaskan sains, mudah disesuaikan, dan praktikal bagi semua Negara Anggota ASEAN.

Sekarang, Taksonomi ASEAN menjadi rujukan utama serantau, memacu pelaburan lestari, mengukuhkan keyakinan pasaran, dan menyokong peralihan lebih meluas ASEAN menuju masa depan yang lebih berdaya tahan dan mampan.

Untuk maklumat lanjut mengenai SFR, sila layari laman sesawang BDCB di www.bdc.gov.bn atau ikuti BDCB di Instagram di [@centralbankbrunei](https://www.instagram.com/centralbankbrunei).

Pelancaran AWS Outposts : Mempercepatkan perjalanan transformasi digital NBD

Oleh : Nurhamiza Awang Haji Roslan
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

JERUDONG, Selasa, 25 November. - Comquest, pembekal penyelesaian teknologi terkemuka Negara Brunei Darussalam (NBD) secara rasmi melancarkan Amazon Web Services (AWS) Outposts Hybrid Cloud pada satu majlis yang diadakan di The Empire Brunei, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku Pemangku Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke NBD, Puan Yang

Terutama Caryn R. McClelland; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke NBD, Puan Yang Terutama Erma Said Mohamed Al Kathiry; serta pemimpin-pemimpin kanan dari AWS, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pemimpin-pemimpin Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), dan Ketua Pegawai Eksekutif (CXO) perusahaan-perusahaan seluruh negara.

Ahli Lembaga Pengarah Comquest, Awang Muhammad Hafiz bin Haslen, dalam ucapan alu-aluannya menekankan kepentingan transformatif pelancaran AWS Outposts untuk ekonomi digital NBD.

Jelasnya, pencapaian bersejarah berkenaan mewakili satu langkah penting dalam mempercepatkan perjalanan transformasi digital NBD.

"Dengan membawa AWS

Outposts ke NBD, kami membolehkan organisasi tempatan menjalankan keupayaan awan canggih dengan kependaman yang sangat rendah, kedaulatan data yang dipertingkatkan dan pematuhan penuh terhadap peraturan nasional.

"Ini bukan sekadar mengenai teknologi, ia adalah juga tentang memperkasa perusahaan dan entiti kerajaan NBD untuk berinovasi dengan lebih pantas, beroperasi dengan lebih selamat, dan berdaya saing di peringkat global," ujarnya.

Majlis juga menyaksikan penandatanganan perjanjian perkhidmatan penempatan bersama selama tiga tahun di antara Comquest dan Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN), untuk terus mengukuhkan tulang belakang infrastruktur yang menyokong ekosistem digital NBD yang semakin berkembang.

Setelah Majlis Penandatanganan berlangsung, acara diteruskan dengan tayangan video mengenai



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Pemangku Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan Pelancaran Amazon Web Services (AWS) Outposts Hybrid Cloud.

perjalanan Comquest dari awal penubuhannya.

Sejak penubuhan pada 2012 dengan hanya 20 rakan kongsi, Comquest pada masa kini telah menjadi sebuah organisasi yang mempunyai lebih 425 kakitangan dengan pencapaian membanggakan, iaitu lebih daripada 98 peratus penempatan tenaga kerja terdiri daripada warga tempatan.

Ini membuktikan komitmen

syarikat berkenaan dalam membangunkan bakat tempatan negara dan menyumbang kepada Wawasan Brunei 2035.

Pelancaran AWS Outposts di NBD mengukuhkan kedudukan Comquest sebagai rakan kongsi yang dipercayai dalam memacu aspirasi digital negara dan menandakan era baharu inovasi awan berdaulat untuk kerajaan, GLC, dan perusahaan di seluruh negara.

Bagaimana Kiraan Sehari Semalam Dalam Menentukan Tempoh Sekurang-Kurang Haidh?

KELUARAN PERTAMA

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SEBAHAGIAN isu berkaitan haidh bagi sesetengah orang merupakan perkara yang rumit dan mengelirukan. Realiti ini bukan sahaja berlaku pada zaman sekarang, tetapi sudah berlaku sejak zaman Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam sebagaimana dalam hadits yang diriwayatkan daripada 'A'isyah Radhiallahu 'anha, seorang perempuan bernama Fatimah binti Abu Hubaisy telah datang menemui Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, lalu berkata :

Maksudnya : *Wahai Rasulullah! Sesungguhnya aku seorang perempuan yang mengalami istihadhah (darah keluar berterusan selepas hari-hari haidh), maka aku tidak dalam keadaan bersih. Adakah aku perlu meninggalkan sembahyang?*

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam menjawab dengan bersabda :

Maksudnya : *Tidak, sesungguhnya itu adalah darah penyakit dan bukan darah haidh. Apabila darah haidhmu keluar, maka tinggalkanlah sembahyang. Dan apabila (darah haidh) berhenti, maka basuhlah kesan darah (haidh itu, dan mandilah untuk mengangkat hadats) kemudian dirikanlah sembahyang.*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Isu berkaitan haidh merupakan perkara penting untuk diketahui dan difahami dengan baik kerana ia berkaitan dengan perkara-perkara berhubung hukum syara' seperti sembahyang, puasa, membaca al-Qur'an, thawaf, talak, 'iddah dan sebagainya. Sekurang-kurang tempoh haidh menurut syara' ialah sehari semalam. Apakah yang dimaksudkan dengan sehari semalam itu?

Para ulama asy-Syafi'iyah menyebutkan bahawa sekurang-kurang tempoh darah haidh yang keluar ialah sehari semalam. Maksud kiraan sehari semalam itu pula ialah 24 jam menurut kiraan falak. Al-Khathib asy-Syarbini Rahimahullah dalam kitab al-Iqna' fi Hall Alfazh Abi Syuja' menyebut :

Ertinya : *Dan sekurang-kurang tempoh haidh ialah sehari semalam, iaitu kadar sehari semalam itu ialah kiraan 24 jam (menurut kiraan) falak.*

Menurut ahli falak, tempoh siang (نَهْـمٌ) bermula dari terbit matahari, manakala tempoh malam (لَيْـلٌ) bermula dari terbenam matahari. Darah yang keluar dalam tempoh satu siang satu malam adalah dikira sebagai darah haidh, tidak kira jika darah keluar pada waktu malam mendahului waktu siang atau sebaliknya.

Maksud kiraan 24 jam bagi

sekurang-kurang tempoh haidh itu terbahagi kepada dua iaitu :

1) Darah keluar secara berterusan selama 24 jam.

2) Jumlah jam darah keluar secara terputus-putus mencapai 24 jam dalam tempoh tidak melebihi 15 hari (tempoh maksima haidh).

Darah Keluar Secara Berterusan Selama 24 Jam

Menurut Imam ar-Ramli Rahimahullah dalam kitab Nihayah al-Muhtaj :

Ertinya : *Dan sekurang-kurangnya (tempoh haidh) ialah satu hari dan satu malam iaitu tempoh keduanya (satu hari satu malam) itu berterusan iaitu dua puluh empat jam, seperti (haidh keluar) bermula di waktu siang hari sehingga ke waktu yang seumpamanya (waktu siang hari) pada hari berikutnya.*

Sebagai contoh, seorang perempuan darah haidhnya keluar berterusan bermula 2 Safar jam 8 pagi sehingga 3 Safar jam 8 pagi. Maka darah yang keluar sepanjang tempoh itu dikira sebagai haidh kerana mencukupi kiraan 24 jam.

Maksud darah haidh keluar berterusan ialah tidak terputus-putus iaitu jika dimasukkan kapas pada faraj dalam tempoh tersebut akan terdapat kesan darah haidh pada kapas.

Jumlah Jam Darah Keluar Secara Terputus-Putus Mencapai 24 Jam

Situasi ini berlaku pada perempuan yang mengalami haidh secara terputus-putus iaitu ada waktunya darah keluar dan ada waktunya darah berhenti kemudian keluar lagi dalam tempoh 15 hari. Maksud darah berhenti (*an-naqa'*) di sini ialah jika dimasukkan kapas pada faraj dalam tempoh tersebut tidak terdapat kesan darah haidh pada kapas.

Contoh 1 : Seorang perempuan mengalami darah yang keluar

terputus-putus dalam tempoh 15 hari iaitu tempoh maksima haidh. Pada waktu siang 1 Safar, darah keluar selama 6 jam kemudian berhenti. Pada waktu siang 3 Safar, darahnya keluar semula selama 4 jam kemudian berhenti lagi. Darahnya keluar semula selama 7 jam pada waktu malam 9 Safar kemudian berhenti lagi. Pada waktu malam 12 Safar darahnya keluar semula selama 3 jam kemudian berhenti lagi. Pada waktu siang 15 Safar, darahnya keluar lagi seketika selama 4 jam dan selepas itu berhenti dan tidak keluar lagi selepas itu. Dalam contoh ini, kiraan 24 jam cukup pada hari ke 15. Maka sepanjang masa darah keluar secara terputus-putus dalam tempoh 15 hari bermula 1 Safar sehingga 15 Safar dikira tempoh haidh bagi perempuan tersebut.

Untuk lebih jelas dibawakan rajah berikut.

Waktu	Malam	Siang	Jam	Hukum Darah
Tarikh				
1	0	6 jam	6	Darah Haidh
2	0	0		
3	0	4 jam	4	
4	0	0		
5	0	0		
6	0	0		
7	0	0		
8	0	0		
9	7 jam	0	7	
10	0	0		
11	0	0		
12	3 jam	0	3	
13	0	0		
14	0	0		
15	0	4 jam	4	
Jumlah keseluruhan jam			24	

Contoh 2 : Seorang perempuan mengalami darah yang keluar terputus-putus dalam tempoh 15 hari iaitu tempoh maksima haidh. Pada waktu siang 1 Safar, darah keluar selama 6 jam kemudian berhenti. Pada waktu siang 5 Safar, darahnya keluar semula selama 8 jam kemudian berhenti lagi. Darahnya keluar semula selama 7 jam pada waktu malam 9 Safar kemudian berhenti lagi. Pada waktu malam 12 Safar darahnya

إرشاد حكومي
IRSYAD HUKUM
جَبَانٌ مَفِي كَلَامِ
جَبَانٌ مَفِي كَلَامِ
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam
Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

keluar semula selama 3 jam kemudian berhenti lagi. Pada waktu siang 15 Safar, darahnya keluar lagi seketika selama 8 jam dan selepas itu berhenti dan tidak keluar lagi selepas itu. Dalam contoh ini, kiraan 24 jam cukup pada malam 12 Safar iaitu pertengahan tempoh haidh. Maka sepanjang masa darah keluar secara terputus-putus dalam tempoh 15 hari bermula 1 Safar sehingga 15 Safar adalah dikira tempoh haidh bagi perempuan tersebut.

Untuk lebih jelas dibawakan rajah berikut.

Waktu	Malam	Siang	Jam	Hukum Darah
Tarikh				
1	0	6 jam	6	Darah Haidh
2	0	0		
3	0	0		
4	0	0		
5	0	8 jam	8	
6	0	0		
7	0	0		
8	0	0		
9	7 jam	0	7	
10	0	0		
11	0	0		
12	3 jam	0	3	
13	0	0		
14	0	0		
15	0	8 jam	8	
Jumlah keseluruhan jam			32	

ISU berkaitan haidh merupakan perkara penting untuk diketahui dan difahami dengan baik kerana ia berkaitan dengan perkara-perkara berhubung hukum syara' seperti sembahyang, puasa, membaca al-Qur'an, thawaf, talak, 'iddah dan sebagainya. Sekurang-kurang tempoh haidh menurut syara' ialah sehari semalam. Apakah yang dimaksudkan dengan sehari semalam itu? Para ulama asy-Syafi'iyah menyebutkan bahawa sekurang-kurang tempoh darah haidh yang keluar ialah sehari semalam. Maksud kiraan sehari semalam itu pula ialah 24 jam menurut kiraan falak. Al-Khathib asy-Syarbini Rahimahullah dalam kitab al-Iqna' fi Hall Alfazh Abi Syuja' menyebut :

Ertinya : *Dan sekurang-kurang tempoh haidh ialah sehari semalam, iaitu kadar sehari semalam itu ialah kiraan 24 jam (menurut kiraan) falak.*

منوجو كريضاءن الله MENUJU KEREDAN ALLAH كلولان قوسه دعوه اسلاميه

SLAM menganjurkan umatnya, kaum Muslimin, supaya memperbanyakkan istighfar dengan memohon ampun atas kesalahan dan dosa kepada Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firmannya dalam Surah Al-Baqarah, ayat 199 yang mafhumnya :

"Kemudian hendaklah kamu bertolak (dari Padang 'Arafah) tempat bertolaknya orang ramai dan memohon ampunlah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

Firman Allah Subhanahu Wata'ala lagi dalam Surah Muhammad, ayat 19 yang

Banyakkan beristighfar

mafhumnya :

"Maka ketahuilah (wahai Nabi Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah, dan mohonlah keampunan kepada-Nya bagi kekhilafanmu dan (dosa) orang-orang yang beriman laki-laki dan perempuan. Dan Allah mengetahui tempat kamu berusaha (di dunia) dan tempat kediaman kamu (di akhirat)".

Pada hakikatnya istighfar hendaklah dilakukan pada setiap saat dan di mana jua kita berada dengan tujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Demikian juga pada waktu-waktu kita merasa melakukan kesalahan maka kalimah istighfar amat sesuai dilafazkan.

Salah satu saat yang tepat melakukan

istighfar ialah waktu sahur (akhir-akhir malam). Saat itu merupakan waktu yang tenang, indah dan hening, di mana kesempatan baik untuk melakukan istighfar dengan penuh khushuk dan tawaduk di samping mengerjakan sembahyang tahajud. Memang waktu sahur itu mempunyai nilai tersendiri dalam melakukan ibadat. Kesempatan ini tidak disia-siakan oleh ahli-ahli ibadat seperti yang telah digambarkan di dalam ayat 17-18 dalam Surah Adz-Dzaariyaat yang mafhumnya :

"Mereka tidur sedikit sahaja pada waktu malam. Dan pada waktu sahur mereka beristighfar".

Sebagai bukti lagi akan keutamaan waktu ini adalah terselamatnya Nabi Luth Alaihissalam serta orang-orang yang

beriman dengannya daripada seksaan Allah Subhanahu Wata'ala yang diturunkan kepada kaumnya berlaku pada waktu sahur ini. Seperti mana firman-Nya dalam Surah Al-Qamar, ayat 34 yang mafhumnya :

"Sesungguhnya Kami telah menghantarkan kepada mereka angin ribut yang mengandungi batu-batu kecil (yang membinasakan) kecuali Nabi Luth dan keluarganya, Kami menyelamatkan mereka pada waktu sahur (sebelum terbit fajar)".

Apabila hati ikhlas dalam memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, maka amal perbuatan dan gerak-geri seseorang akan terbit dengan sendirinya, mengikut kehendak hatinya. Ia akan sentiasa mengulangi amal ibadat, zikir, istighfar dan doanya. Dia tak akan jemu-jemu memohon keampunan daripada Allah gerak-geri siang dan malam. Dalam erti kata lain di mana ada kemahuan, di situ ada jajan.

KUNJUNGAN HORMAT BINCAANG HAL EHWAL AKIDAH, FATWA

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 November. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned telah menerima kunjungan hormat daripada rombongan Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwat Dalam Negeri, Republik Singapura, Yang Berhormat Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim.

Kunjungan berkenaan berlangsung di pejabat Yang Berhormat Mufti Kerajaan di Darul'ifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) pada hari ini.

Juga hadir pada kunjungan berkenaan, Pembantu Khas kepada Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam, Muhd. Izhar Mohd. Roslan; Penolong Pengarah, Bahagian Perhubungan dan Penglibatan Masyarakat, Sheryl Tung; Eksekutif Kanan, Bahagian Perhubungan dan Penglibatan Masyarakat, Mohamad Tauhid Mohd. Bakht; Pengarah, Jabatan Khidmat Masyarakat, Bahagian Media

selaku Setiausaha Akhbar kepada Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam, Mazlena Mazlan; Penolong Pengurus, Jabatan Khidmat Masyarakat, Bahagian Media, Danial Shahrin; Ketua Eksekutif, Kadir Maideen; Timbalan Mufti Singapura, Dr. Mohd. Murat Md. Aris dan Hubungan Antarabangsa, Ibrahim Sawifi.

Turut serta, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Laurence Bay.

Dalam pertemuan berkenaan, Yang Berhormat Mufti Kerajaan dan rombongan Republik Singapura telah membincangkan hal ehwal akidah dan fatwa di mana pada dasarnya NBD dan Republik Singapura adalah sama-sama berpegang kepada fahaman Ahli Sunnah Waljamaah.

Pada akhir kunjungan berkenaan, rombongan dari Republik Singapura telah dibawa melawat ke Perpustakaan Islam Brunei Darussalam (PIB).

Rombongan Republik Singapura berada di negara ini dalam rangka mengadakan lawatan rasmi ke negara ini bermula pada 24 hingga 25 November 2025.



YANG Berhormat Mufti Kerajaan menerima kunjungan hormat daripada rombongan Yang Berhormat Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwat Dalam Negeri, Republik Singapura.

Cuaca diramalkan aktif sehingga 30 November ini

■ Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada dalam Monsun Timur Laut, yang lazimnya akan berterusan sehingga Mac 2026.

Keadaan cuaca aktif masih diramalkan berlaku sehingga Ahad, 30 November 2025. Hujan sekali-sekala lebat dan berpetir dijangka menjejaskan beberapa kawasan negara terutama pada waktu petang dan malam, dengan kelajuan angin sehingga 45 kilometer sejam (kmsj) semasa atau dekat hujan lebat dan berpetir.

Di perairan NBD, keadaan laut pada amnya berombak di paras sederhana ke bergelora, iaitu di antara 1.0 meter (m) hingga lebih daripada 3.0m.

Oleh itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat

dan keadaan berangin kencang. Keadaan laut di paras sederhana ke bergelora adalah berbahaya bagi semua bot bersaiz kecil, semua aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Sehubungan dengan itu, orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu. Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu Brunei WX.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather) dan saluran Telegram serta WhatsApp (Brunei Weather).



Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan **lelaki** dan No. 2 di kalangan **wanita** di Negara Brunei Darussalam.

Penyebab bagi:

- 1 dalam 5 kanser lelaki
- 1 dalam 10 kanser wanita

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Jika anda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari:

<https://moh.gov.bn/>



Kongsi pengalaman pengurusan masjid, pembangunan ummah



PEMANGKU Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwat Dalam Negeri, Republik Singapura, Yang Berhormat Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim semasa berkunjung ke Masjid Omar 'Ali Saifuddien (atas, kiri dan bawah).

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 November. - Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwat Dalam Negeri, Republik Singapura, Yang Berhormat Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim, meneruskan lagi lawatan rasmi ke negara ini, di hari kedua, dengan berkunjung ke Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara, pagi tadi.

Hadir bagi mengalu-alukan ketibaan Yang Berhormat Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad

Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim; Pengarah Hal Ehwat Syariah, Awang Haji Suhaimi bin Haji Gemok; Pemangku Pengarah Hal Ehwat Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri; dan Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, KHEU, Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim.

Sejurus tiba di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Yang Berhormat dan rombongan telah menyaksikan tayangan video 'The Historical and Cultural Significance of (Sejarah dan Pembangunan) Masjid Omar

'Ali Saifuddien'.

Yang Berhormat seterusnya menandatangani buku lawatan, diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada Yang Berhormat yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap KHEU.

Rombongan juga berkesempatan meninjau kawasan persekitaran masjid sebelum mengakhiri lawatan dengan sesi bergambar ramai sebagai tanda kenangan sempena lawatan Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwat Dalam Negeri, Republik Singapura dan rombongan ke Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Yang Berhormat berada dalam rangka lawatan selama dua hari



dari 24 hingga 25 November 2025.

Lawatan ini mencerminkan penghormatan tinggi serta hubungan erat antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, khususnya dalam hal

ehwat masyarakat Islam.

Lawatan ini juga membuka ruang kepada kedua-dua pihak berkongsi pengalaman mengenai pengurusan masjid, program kemasyarakatan dan inisiatif pembangunan ummah.

KONGSI AMALAN TERBAIK MEMPERKASA SISTEM PENDIDIKAN ISLAM

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PEMANGKU Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwat Dalam Negeri Republik Singapura, Yang Berhormat Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim semasa lawatan rasmi ke Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 November. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) petang tadi menerima lawatan rasmi daripada Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwat Dalam Negeri Republik Singapura, Yang Berhormat Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim, yang sedang dalam rangka lawatan ke

Negara Brunei Darussalam selama dua hari bermula hari ini.

Hadir bagi mengalu-alukan ketibaan Yang Berhormat Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim dan rombongan ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; dan Ketua Bahagian



Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, KHEU, Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim, serta pegawai-pegawai utama KUPU SB.

Lawatan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ra'es KUPU SB.

Rombongan juga berpeluang menyaksikan tayangan video

korporat KUPU SB dan seterusnya mengadakan perbincangan terbuka.

Melalui perbincangan terbuka ini, kedua-dua belah pihak berpeluang bertukar - tukar pandangan, berkongsi pengalaman serta amalan terbaik dalam memperkasa sistem pendidikan Islam.

Lawatan rombongan Yang Berhormat Pemangku Menteri

Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwat Dalam Negeri Republik Singapura ke KUPU SB mencerminkan penghargaan dan pengiktirafan terhadap usaha KUPU SB sebagai institusi penting dalam membangunkan tenaga pendidik Islam yang berpengetahuan dan berwibawa di negara ini.



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Iklan Tarikh Lanjutan

Tajuk Sebut Harga:

To Supply and Deliver Toner / Ink for Department Of Civil Aviation, Ministry Of Transport And Infocommunications: 01 Year Contract

Rujukan Sebut Harga:

ADMIN / 2025-2026 / SH-03(R)

Dokumen Sebut Harga bolehlah diperoleh:

Kaunter Seksyen Kewangan
Aras Bawah
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam

Nota:

Waktu beroperasi:

- Setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu (tutup pada Jumaat, Ahad & hari kelepasan awam)
- 8.30 pagi hingga 11.00 pagi / 1.30 petang hingga 2.00 petang (Isnin-Khamis) / 8.30 pagi hingga 10.30 pagi (Sabtu).
- Peserta hendaklah membawa kad pengenalan atau pasport yang sah.

Harga Yuran Dokumen:

BND5.00 setiap satu
(1) dokumen sahaja
(Yuran tidak akan dikembalikan)

Tarikh Tutup

Menghantar Dokumen Sebut

Harga:

Selasa,
10 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Rancangan Pemakanan Sekolah dan Program Harapan 2025

1. DA / JKSH / 135 / 2025 / 2026[BPPA-DIS-2025]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Makan Bagi: Sekolah Rendah Selapon Daerah Temburong. Kementerian Pendidikan. Kod Blok: MKN/11 Bagi Tempoh Lima (5) Bulan

2. DA / JKSH / 136 / 2025 / 2026 [BPPA-DIS-2025]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:

JPE / LTK / TRA / 107 / 2025

Tajuk Tawaran:

Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of 20/25 MVA 66/11KV Power Transformers At Muara And Panapar Substations

Tarikh Tutup:

23 Disember 2025
(Selasa, 2.00 Petang)

Yuran Tawaran:

BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:

Peti Tawaran
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Lobi Utama, Aras 1, Bangunan
Jabatan Perdana Menteri
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan,
BB3913
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:

Syarikat Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kelas 4, 5 Atau 6 Dan Mempunyai Kategori E03

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian:

Sila sertakan salinan "BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 – SECTION 16 & 17" dan Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD) semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:

JPE / LTK / JAN / 091 / 2025

Tajuk:

Provision Of Transformers Inspection And Maintenance In DES Power Stations For 4 Years

Tarikh Tutup:

9 Disember 2025
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Yuran Tawaran:

BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:

Peti Tawaran
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Lobi Utama, Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913 Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:

Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan:

Kategori:

E03

Kelas:

III, IV Atau V

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Negara Brunei Darussalam.

Perhatian:

Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen di Kaunter Tawaran, Tingkat Empat(4), Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Negara Brunei Darussalam.



Kesuma Negara Bukit Beruang Daerah Tutong. Kementerian Pendidikan. Kod Blok: PH/T6 Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

5. DA / JKSH / 139 / 2025 / 2026 [BPPA-DIS-2025]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Makan Tengah Hari Secara Tapau Bagi Program Harapan: Sekolah Rendah Perpindahan Bukit Beruang II Daerah Tutong. Kementerian Pendidikan. Kod Blok: PH/T7 Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

Bayaran Yuran Sebut Harga: BND5.00



JABATAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan:

JMM / JKSH / Q&T / 2025 / 20

Sebut harga Untuk:

Tawaran Bagi Membekalkan Jamuan Secara Berkontrak Selama Satu (01) Tahun Bagi Mesyuarat Pertama dan Kedua Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara dan Raptai; dan Majlis-Majlis, Mesyuarat-Mesyuarat, Kunjungan Hormat dan Lawatan Bagi Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Bagi Tahun 2026

Tarikh Tutup:
16 Disember 2025



Bilangan:

JMM / JKSH / Q&T / 2025 / 19

Sebut harga Untuk:

Tawaran Bagi Penyediaan Perkhidmatan Penginapan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Di Sepanjang Persidangan Mesyuarat Pertama Dan Mesyuarat Kedua Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara Bagi Tahun 2026

Tarikh Tutup:
16 Disember 2025



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

1. JPt / SH / 102 / 2025 - 2026
To Provide Training For Shena Radiation License

2. JPt / SH / 103 / 2025 - 2026
Provision Of Service To Acquire A Trainer For Building A Reliable Sensory Panel To Conduct Descriptive Sensory Analysis Of Durian Fruits

3. JPt / SH / 104 / 2025 - 2026
Supply, Deliver And Install Stainless Steel Standing Fridge (600 L)

4. JPt / SH / 105 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Memotong Rumput Dan Membersih Kawasan Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Lapangan Terbang Lama Berakas Untuk Tempoh Dua (2) Tahun

Tarikh Tutup:
Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada Khamis, 8 Januari 2026

Borang Sebut Harga:
BND7.00



Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
13 Disember 2025
(Jam 9.00 Pagi)





KEMENTERIAN KESIHATAN

**Pemberitahuan Tawaran
Kementerian Kesihatan
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 169 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 170 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 171 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

DRG / 172 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 173 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 174 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 175 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 176 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 177 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 178 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 179 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 180 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 181 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 182 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 183 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
9 Disember 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
KK / 341 / 2025 / HTD

Keterangan:
Provision Of Dental Chairs For The
Department Of Dental Services,
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND1,000.00

Bilangan Tawaran:
KK / 342 / 2025 / ESTETRI PASH

Keterangan:
Replacement Of Cooling Tower
Make Up Water Tank At M&E Plant,
Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
Hospital

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 343 / 2025 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Prosthetic Consumable Items
For Department Of Dental Services,
Ministry Of Health For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 344 / 2025 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Dental
Consumable Items For Department
Of Dental Services, Ministry Of
Health For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 347 / 2025 / UPP

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical
Consumables For Emergency
Medical Ambulance Services
(E.M.A.S.), Ministry Of Health For A
Period Of One (1) Year

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 348 / 2025 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Laboratory
Consumables (Part 2) For National
Mycobacteria Reference Laboratory,
Department Of Laboratory Services,
Ministry Of Health For A Period Of
Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 349 / 2025 / LAB(TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Nucleic Acid
Extraction Kits, Multiplex RT-PCR
Kits For SARS-COV-2 & HPV
Detection Assays And Consumables
With Equipment Rental For National
Virology Reference Laboratory,
Department Of Laboratory Services,
Ministry Of Health For A Period Of
Three (3) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Tarikh Tutup:
9 Disember 2025
Tidak lewat jam 2.00 petang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam**

Kelas:
(II & III) Sahaja

Kategori:
KA01 & M03 Sahaja – Kod
Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 032 / 2025 –
(SEW).T.III

Nama Projek:
Kontrak Berpenggal 3 Tahun Bagi
Mengendali Dan Memelihara
Sistem Vakum Pembetungan Kg.
Sg. Bunga, Kg.Lurong Sikuna, Kg.
Bolkiah 'A' Dan Kg. Bolkiah 'B'
(Berambang)

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa, 2 Disember 2025,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Januari 2026
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
III & IV

Kategori:
B01
(Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
9 Disember 2025

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
23 Disember 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 33 / CQS / 2025-T / III

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembinaan Semula
Jeti-Jeti Di
Perumahan Kampong Sungai
Bunga (Fasa 1)
(Retender)

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Bil. Tawaran:
UBD / E8 / 004 / 2025 - [G]

Keterangan:
Three (03) Years Term Contract For
The Provision Security Services For
Buildings And Parameter Areas At
Universiti Brunei Darussalam

Bayaran Dokumen & Pentadbiran:
BND105.00

Tarikh Tutup :
Selasa, 9 Disember 2025



Sebut Harga Secara Terbuka:
Term Kontrak 36 Bulan Bagi
Kerja-Kerja 'Pest Control' Di
1. Bangunan Kementerian
Kewangan Dan Ekonomi,
Commonwealth Drive
2. Bangunan Pusat Standard
Akreditasi Brunei Darussalam
(PSABD), Anggerek Desa
3. Bangunan Ekosistem
Perniagaan (IBE), Anggerek Desa

Bilangan Rujukan Sebut Harga:
MOFE / Q / 2025 - 4

Yuran Tawaran / Dokumen:
BND10.00 (BND5.00 e-dokumen)

Tarikh Tutup :
Isnin,
1 Disember 2025



BKISHHB TUMPUAN LAWATAN ROMBONGAN REPUBLIK SINGAPURA



YANG Berhormat Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura dan rombongan semasa berkunjung ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), kunjungan bermula dengan sesi bergambar ramai dan seterusnya ke galeri pameran BKISHHB (kanan, kiri dan bawah kiri).



Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 November. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) petang tadi menerima kunjungan daripada Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura, Yang Berhormat Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim dan rombongan, yang mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam (NBD) ini selama dua hari.

Hadir mengalu-alukan ketibaan Yang Berhormat Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim,

Timbalan Pengarah BKISHHB, Pengiran Jeffrynul Hafli bin Pengiran Haji Ali.

Rombongan memulakan lawatan bermula dengan sesi bergambar ramai sebelum beredar ke galeri pameran BKISHHB.

Yang Berhormat Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim serta rombongan berada dalam rangka lawatan selama dua hari dari 24 hingga 25 November 2025.

Lawatan berkenaan

mencerminkan penghormatan tinggi serta hubungan erat antara NBD dan Republik Singapura, khususnya dalam hal ehwal masyarakat Islam.

BKISHHB merupakan sebuah institusi yang menyimpan dan mempamerkan khazanah warisan Islam yang sangat berharga serta berperanan dalam menjalankan aktiviti pengumpulan, penyelidikan, pengkajian, pengembangan dan penyebaran maklumat dan ilmu-ilmu Islam.

MINDA PEMBACA

Cabaran memupuk semangat kejiranan

DALAM era globalisasi yang serba moden ini, semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat kian pudar dan semakin kompleks. Masyarakat kini semakin mementingkan diri sendiri dan bersikap individualistik sehingga mengakibatkan terakisnya nilai-nilai murni MIB yang diamalkan sejak zaman berzaman seperti hormat-menghormati, tolong-menolong, prihatin, pemedulian dan sebagainya. Oleh yang demikian, pelbagai cabaran yang telah dihadapi dalam usaha menyuburkan semangat kejiranan yang kian luntur ini.

Pertama, kemajuan teknologi pintar telah menjadi cabaran utama. Jika dibandingkan, masyarakat dahulu sering meluangkan waktu pergi keluar untuk bersosial seperti bertegur sapa,

berbual, bergotong-royong manakala kini, interaksi lebih banyak berlaku di alam maya berbanding dunia nyata. Rata-rata masyarakat era ini lebih gemar berhubung melalui telefon pintar dan media sosial tanpa mengenali jiran sendiri. Natijahnya, hubungan kejiranan menjadi longgar ibarat bagai 'enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing'.

Selain itu, gaya hidup sibuk turut menjadi batu penghalang akan gejala ini. Masyarakat moden lebih sibuk menumpukan perhatian terhadap kerjaya dan hal peribadi masing-masing. Perkara ini menyebabkan waktu untuk berinteraksi bersama jiran semakin terbatas. Sikap ini mencerminkan budaya individualistik yang semakin menular secara tidak sihat dalam

masyarakat moden.

Seterusnya, kurangnya penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan. Ramai orang beralasan ketiadaan masa, berasa malu dan segan kerana tidak saling mengenali satu sama lain untuk menyertai aktiviti keramaian seperti gotong-royong atau sambutan perayaan. Akibatnya, semangat muafakat dan perpaduan sukar disemai untuk memperkukuh institusi kejiranan. Jika keadaan ini berterusan, masyarakat akan menjadi seperti 'hidup segan, mati tak mahu' dalam konteks sosial.

Kesimpulannya, tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat moden kini semakin individualistik tetapi hubungan kejiranan tidak seharusnya dipandang sebelah mata. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan

peranan signifikan dan berganding bahu dalam membangkitkan rasa perpaduan bagi mengatasi sikap individualistik yang kian membarah dalam masyarakat. Melalui komunikasi fizikal, penglibatan aktif dalam aktiviti kejiranan dan kesedaran sivik yang tinggi barulah semangat kejiranan dapat disuburkan semula untuk mengekalkan suasana kejiranan yang rukun. Sesungguhnya jika sikap 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh' diamalkan dan dihayati nescaya masyarakat akan terbentuk lebih kuat menghadapi cabaran kehidupan mendatang.

Nama : Mohammad Hazwan bin Suhaimi
No. K/P : : 01-101XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Peranan Pendidikan Dalam Mencegah Penyeludupan Remaja'. Tarikh Tutup : 26 November 2025
- 2.'Pemandu Berhemah, Negara Sejahtera'. Tarikh Tutup : 3 Disember 2025
- 3.'Kepentingan Pendidikan Dalam Membangunkan Negara'. Tarikh Tutup : 10 Disember 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PB, ACCA METERAI KERJASAMA TINGKATKAN KEMAJUAN AKADEMIK, PROFESIONAL



Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 November. - Politeknik Brunei (PB) dan Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) hari ini menjalin kerjasama rasmi dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) sebagai usaha ke arah memperkukuhkan jalinan kerjasama antara kedua-dua institusi tersebut.

Majlis penandatanganan berlangsung di Kampus Ong Sum Ping, PB.

Objektif MoU ini adalah untuk

mewujudkan, memupuk dan membangunkan kerjasama antara PB dan ACCA dalam bidang profesion perakaunan dan percukaian serta dalam bidang penyelidikan, pendidikan dan program latihan yang berkepentingan bersama.

MoU antara PB dan ACCA merupakan langkah penting ke arah meningkatkan kualiti akademik dan persediaan profesional untuk pelajar politeknik tersebut.

Perkongsian

ini

SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU).

mengintegrasikan piawaian ACCA yang diiktiraf di peringkat antarabangsa ke dalam program PB, di mana ia membolehkan para pelajar dalam membangunkan pengetahuan, kecekapan dan kemahiran yang sejajar dengan industri yang relevan di peringkat global yang mengukuhkan kebolehpasaran mereka di seluruh dunia.

Di samping itu, kerjasama ini bertujuan untuk mewujudkan laluan yang mampan untuk kemajuan akademik dan profesional.

Melalui program latihan bersama, laluan kemajuan baharu dan inisiatif pembangunan kapasiti,

perkongsian ini akan menyokong pembangunan pelajar yang berterusan dan menyumbang kepada sektor perakaunan dan kewangan di negara ini yang semakin berkembang, di samping menyelaraskan bakat tempatan dengan jangkaan industri global.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penandatanganan itu ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Turut hadir, Pemangku Penolong Pengarah (Korporat, Perancangan dan Pembangunan) PB, Dayang Hajah Rosmiati binti Haji Abd. Majid; Pemangku Penolong Pengarah (Akademik) PB, Dayang Rahimah binti Mohiddin; serta beberapa ketua bahagian dan sekolah; pegawai-pegawai dari Sekolah Perdagangan PB, ACCA dan Institut Akauntan Awam Bertauliah (BICPA).

Mewakili PB bagi majlis penandatanganan tersebut ialah Pemangku Pengarahnya, Pengiran Dr. Saiful Baharin bin Pengiran Haji Duraman, dan disaksikan oleh Pemangku Pengetua PB, Dayang Hajah Armah binti Tengah.

Sementara itu, menandatangani bagi pihak ACCA ialah Ketua Hubungan Pendidikan ACCA Maritim Asia Tenggara, Ang

Wen How, dan disaksikan oleh Pengurus Perhubungan Perniagaan Kanan ACCA Maritim Asia Tenggara, Joanne Goh.

Fokus utama kerjasama ini ialah PB-ACCA Dual Diploma, yang menawarkan peluang kepada pelajar untuk memperoleh kelayakan akademik, di samping kelayakan yang diiktiraf oleh ACCA.

Dengan akses kepada sumber pembelajaran global ACCA, inisiatif pembangunan profesional dan rangkaian antarabangsa, pelajar akan berada pada kedudukan yang baik untuk mengejar peluang kerjaya di Brunei Darussalam dan merentasi pasaran global di mana kelayakan ACCA sangat dihargai.

MoU tersebut juga memperkukuhkan komitmen bersama untuk meningkatkan kesedaran mengenai prospek kerjaya global dalam perakaunan dan kewangan.

PB dan ACCA akan membangunkan aktiviti jangkaan, pemasaran dan penglibatan bersama untuk mengetengahkan pengiktirafan global ACCA dan pelbagai laluan profesional yang ditawarkan, memastikan graduan PB bersedia untuk memasuki pasaran kerja yang semakin kompetitif dan antarabangsa.

7 peserta tamat Kursus Asas Pemandu Pelancong diraikan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta yang berjaya menamatkan Kursus Asas Pemandu Pelancong (atas kiri dan atas kanan).

Oleh : Aimi Sani

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 November. - Seramai tujuh peserta yang telah berjaya menamatkan Kursus Asas Pemandu Pelancong diraikan dalam satu Majlis Penyampaian Sijil bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), hari ini.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil tersebut ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Kursus Asas Pemandu

Pelancong ini telah dikendalikan selama 10 hari bermula pada 13 Oktober 2025 sehingga 23 Oktober 2025 yang mana kursus ini merupakan kursus kali ke-17 diadakan.

Kursus ini juga adalah salah satu pra syarat bagi Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi (JKP) mana-mana individu yang berkeinginan untuk menjadi pemandu pelancongan yang berlesen di negara ini.

Seramai 245 pemandu pelancong telah pun berdaftar di JKP dan menamatkan

kursus tersebut setelah Kursus Asas Pemandu Pelancong diperkenalkan semenjak tahun 2016 secara kerjasama di antara pihak JKP dan pihak Laksamana College of Business iaitu sebuah institusi yang telah dilantik bagi mengendalikan Kursus Asas Pemandu Pelancong di Negara Brunei Darussalam.

Antara tujuan utama kursus asas ini diadakan adalah untuk meningkatkan dan memantapkan kemahiran seorang pemandu pelancong dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti serta memenuhi kehendak piawaian yang telah ditetapkan, menyelaraskan maklumat dan informasi yang

disalurkan oleh setiap pemandu pelancong adalah tepat dan betul serta membuka peluang-peluang pekerjaan yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk tempatan khususnya di kalangan belia-belia di negara ini.

Bagi pemandu pelancong yang telah lulus kursus asas tersebut, adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan ke JKP, KSSUP bagi mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong. Mana-mana individu yang belum berdaftar dan belum mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong adalah menjadi satu kesalahan jika didapati mengendalikan perkhidmatan pemandu pelancong

tanpa lesen yang sah atau mengiklankan / menawarkan perkhidmatan pelancongan persendirian boleh dikenakan denda mengikut Seksyen 20(3) Akta Pelancongan, Penggal 239 iaitu bagi kesalahan pertama, denda tidak melebihi BND5,000 dan bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda akan dikenakan tidak melebihi BND10,000.

Kerjaya profesion sebagai pemandu pelancong sememangnya sangat-sangat diperlukan dalam sektor pelancongan di negara ini. Penganjuran kursus ini adalah selaras dengan Brunei Darussalam Tourism Industry Roadmap dalam membangunkan sektor pelancongan melalui peningkatan sumber manusia yang profesional dan kompeten.

Diharapkan juga agar para peserta dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dalam menjalankan tugas sebagai pemandu pelancong, seterusnya menyumbang kepada kemajuan industri pelancongan negara.

Memandangkan adanya keperluan dan permintaan tinggi bagi pemandu pelancong, JKP mempelawa para belia terutamanya yang sedang dan masih mencari pekerjaan untuk mengikuti kursus yang ditawarkan.

Pendaftaran kursus akan dibukakan bagi penyertaan orang ramai dan kursus seterusnya akan diadakan pada bulan Mac 2026. Untuk sebarang pertanyaan dan pendaftaran bolehlah menghubungi Laksamana College of Business.

PTE BELAIT DALAMI PERANAN, TANGGUNGJAWAB RAKYAT KEPADA NEGARA

■ Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BELAIT, Selasa, 25 November. - Daerah telah mengadakan Program Taklimat Kenegaraan bagi Pusat Tingkatan Enam (PTE) Belait. Taklimat yang mengambil tempat di Lecture Theater 1 sekolah berkenaan turut disertai



SERAMAI 48 penuntut menyertai Program Taklimat Kenegaraan bagi Pusat Tingkatan Enam (PTE) Belait di Lecture Theater 1 sekolah berkenaan.

Suntik semangat patriotisme dalam kalangan penuntut



SESI bergambar ramai pada program Taklimat Kenegaraan bagi Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Pusat Tingkatan Enam di IBTE Kampus Bisnes.

■ Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

GADONG, Isnin, 24 November. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik meneruskan lagi program Taklimat Kenegaraan bagi Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Pusat Tingkatan Enam dengan berkunjung ke IBTE Kampus Bisnes.

Taklimat yang diadakan di Dewan Teater kampus berkenaan dihadiri oleh 88 orang penuntut.

Turut hadir, Pegawai Kesejahteraan kampus tersebut, Awang Haji Muhammad Nur Asmaan bin Haji Nordin.

Program ini antaranya bertujuan untuk menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara di samping menyuntik semangat patriotisme dalam diri

oleh seramai 48 penuntut.

Turut hadir sama semasa taklimat, Guru Kanan PTE Belait, Dayang Ummi Kalsum binti Haji Omar; bersama tenaga-tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Sebagai Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir.

Sementara itu, kandungan taklimat antara lain menyentuh mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat kepada

KETUA Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir ketika menyampaikan taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Sebagai Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam'.



negara dan pemerintah, masyarakat serta keluarga dalam sama-sama menyumbang untuk kesejahteraan negara.

Program Taklimat Kenegaraan berkenaan diadakan bertujuan untuk menyuntik semangat patriotisme dalam diri para penuntut melalui taklimat yang disampaikan.

Pada masa yang sama, program berkenaan juga dihasratkan bagi mendukung Matlamat Wawasan Brunei 2035 dan inisiatif dalam Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035.

Selera KAMPUNG Kitani

Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Puding Durian Kampung Batang Tuau

BAHAN-BAHANNYA :

- 2 biji durian kuning (ambil isinya)
- 2 packet agar-agar *clear*
- 9 ml susu *full cream*
- 1 paket santan yang kecil
- 3 sudu makan susu manis
- 4 sudu makan gula dan pewarna kuning

CARA-CARA MEMASAK :

Durian dikisar hingga halus. Kemudian agar-agar digaul bersama susu manis, susu *full cream*, gula dan durian yang telah dikisar. Setelah itu, masak dengan api sedang sambil digaul supaya tidak bergentel / berketul-ketul. Apabila sudah masak, angkat adunan tersebut dan masukkan ke dalam acuan. Lalu biarkan hingga sejuk. Siap untuk dihidangkan.



Nikmati percutian bersama BDF 2025

MUSIM cuti penggal persekolahan kini semakin menghampiri. Tempoh cuti sekolah yang agak panjang setentunya akan membosankan jika tidak diisi dengan aktiviti-aktiviti menyeronokkan. Bagi mereka yang belum membuat perancangan semasa cuti persekolahan pada bulan Disember nanti, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan Pesta Disember Brunei (Brunei December Festival - BDF) 2025. Pelbagai aktiviti menarik disusun bagi memeriahkan acara tahunan yang diadakan buat kali ke-9 ini.

Mula dilancarkan pada tahun 2017, BDF sememangnya menjadi salah satu platform bagi para penganjur acara untuk mengadakan pelbagai aktiviti sekali gus menjadi acara yang dinanti-nantikan setiap tahun. Selain untuk mempromosikan pelancongan domestik dengan menggalakkan orang ramai agar bercuti dan berbelanja di dalam negara, BDF juga memberi peluang kepada penganjur-penganjur acara untuk mengadakan pelbagai acara menarik dan

kreatif di samping memberi peluang kepada para pengusaha untuk menjana pendapatan melalui penganjuran acara dan aktiviti.

Pelbagai acara berbentuk Islamik; kulinari; membeli belah; teknologi digital dan ICT; kebudayaan dan kesenian serta acara sukan pengembaraan dan rekreasi diadakan di seluruh negara sepanjang bulan Disember nanti sesuai dengan semua peringkat umur. Banyak acara menarik telah disusun sepanjang BDF antaranya, The Alpha Challenge; Brunei Half Marathon; Ekspo 7 Puak Jati Brunei; Sunnah Camp 6.0; Program 'Ke Temburong Bisai'; Maritah ke LLRC 2025 dan banyak lagi.

Promosi Staycation

Sebagai sebahagian daripada kempen Kenali Negara Kitani (KNK), pakej-pakej pelancongan domestik tidak ketinggalan memberikan tawaran-tawaran menarik untuk memenuhi semua keperluan percutian awda. Dari pakej penginapan hingga aktiviti rekreasi, ekopelancongan dan kebudayaan, awda dan keluarga boleh menikmati pakej-pakej yang ditawarkan oleh hotel-hotel,

ejen-ejen pelancongan dan para penyedia perkhidmatan pelancongan serta promosi makanan eksklusif daripada restoran-restoran serta para pengusaha makanan tempatan yang tidak ketinggalan dalam sama-sama menyertai BDF 2025.

Harapan

Dengan penyediaan platform tersebut secara tidak langsung memberi peluang terutama golongan belia di negara ini serta komuniti kreatif untuk mengembangkan idea mereka dalam penganjuran acara-acara menarik sekali gus membantu menyemarakkan semangat kreativiti dalam kalangan generasi muda *kitani*. Acara seumpamanya dihasrat akan terus mendapat sokongan berterusan daripada orang ramai terhadap produk-produk tempatan yang diketengahkan sepanjang BDF.

Dalam pada itu, BDF yang juga menjadi platform untuk mempromosikan produk-produk tempatan kepada domestik atau pun antarabangsa diharap akan dapat memberi impak positif kepada ekonomi negara. BDF juga memberi peluang kepada orang ramai untuk mengisi masa dengan

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan

aktiviti bermanfaat dari segi hiburan, pendidikan dan sosial agar mereka dapat meluangkan masa berkualiti bersama keluarga dan rakan-rakan.

Selain menggalakkan orang ramai untuk bercuti di dalam negara, penganjuran BDF ini diharap akan dapat menarik lebih ramai pelancong dari luar negara dengan adanya pakej-pakej pelancongan dan acara-acara menarik sepanjang musim cuti persekolahan nanti. Para pengunjung diharap akan dapat menikmati waktu percutian mereka bersama keluarga mahu pun rakan-rakan melalui aktiviti-aktiviti menyeronokkan, berinformasi dan bermakna.

Bagi orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai acara-acara BDF, bolehlah melayari laman sesawang www.brunetourism.com/bdf dan seterusnya memuat turun *e-guide* BDF yang terdapat di laman sesawang tersebut. Selain itu, orang ramai juga boleh mengikuti akaun media sosial melalui Instagram rasmi [@bruneidecemberfest](https://www.instagram.com/bruneidecemberfest).





Peliharha kebersihan harta benda awam untuk kemudahan bersama

KEBERSIHAN dan pemeliharaan harta benda awam merupakan salah satu asas penting dalam pembentukan sebuah masyarakat yang bertamadun, sejahtera dan berdaya maju. Persekitaran yang bersih bukan sahaja mencerminkan keperibadian rakyatnya tetapi turut menunjukkan seseorang itu berdisiplin dalam mematuhi nilai-nilai murni yang diterapkan dalam kehidupan bermasyarakat. Demikian juga halnya dengan penjagaan harta benda awam yang disediakan oleh kerajaan untuk kegunaan bersama. Tanggungjawab ini bukan sekadar tanggungjawab pihak berkuasa tetapi merupakan amanah bersama seluruh masyarakat tanpa mengira usia, latar belakang atau kedudukan.

Persekitaran bersih, bebas pencemaran

Kebersihan persekitaran berperanan besar dalam memastikan kesejahteraan hidup rakyat. Apabila persekitaran bersih, masyarakat dapat menikmati udara yang lebih segar, bebas daripada pencemaran dan risiko penyakit berjangkit. Amalan membuang sampah pada tempatnya, mengasingkan sisa mengikut kategori, tidak membuang sisa makanan atau plastik ke dalam longkang merupakan tindakan asas namun mempunyai impak besar. Perbuatan yang kelihatan kecil ini sebenarnya menyumbang kepada ekosistem yang sihat dan teratur. Sebaliknya, sikap sambil lewa seperti membuang sampah merata-rata boleh mengundang pelbagai masalah seperti banjir kilat, pencemaran bau, pembiakan haiwan perosak dan peningkatan kos pembersihan awam.

Di samping itu, menjaga kebersihan

kawasan awam seperti taman rekreasi, pasar, kawasan riadah, sekolah dan tempat ibadat menuntut kerjasama setiap pengguna. Kawasan-kawasan ini merupakan tempat berkumpul, berinteraksi dan membuat aktiviti sosial yang menyatukan masyarakat. Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap individu untuk memastikan kebersihan persekitaran dipelihara demi keselesaan semua pihak. Contohnya seperti tandas awam yang merupakan kemudahan penting namun masih terdapat segelintir masyarakat yang tidak mematuhi etika kebersihan sehingga menjejaskan keselesaan pengguna lain.

Tanggungjawab memelihara harta benda awam

Pemeliharaan harta benda awam pula melibatkan tanggungjawab dalam menghargai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan untuk memenuhi keperluan rakyat. Harta benda awam seperti bangunan kerajaan, tempat letak kereta, papan tanda, perhentian bas, taman permainan dan tandas awam adalah milik bersama. Justeru, setiap kerosakan yang berlaku akibat vandalisme atau sikap tidak bertanggungjawab bukan sahaja merugikan kerajaan tetapi turut menjejaskan hak masyarakat dalam menikmati kemudahan tersebut. Vandalisme dalam bentuk menconteng dinding, memecahkan lampu jalan, merosakkan bangku taman atau mencuri peralatan awam mencerminkan sikap tidak bertamadun yang perlu ditolak oleh seluruh lapisan masyarakat.

Pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk sikap prihatin terhadap kebersihan dan pemeliharaan harta benda awam. Nilai-nilai murni berkaitan tanggungjawab sosial harus diterapkan

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

sejak kecil bermula di rumah dan di sekolah. Guru, ibu bapa dan pemimpin masyarakat harus menjadi contoh dalam mempraktikkan amalan kebersihan dan penjagaan kemudahan awam. Melalui pendidikan yang berterusan, generasi muda dapat memahami kepentingan serta harta benda awam sebagai satu amanah bersama.

Selain itu, masyarakat juga digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, kempen kebersihan atau program kesedaran awam. Aktiviti seperti ini bukan sahaja dapat memupuk semangat Kerjasama tetapi juga mewujudkan kesedaran bahawa kebersihan kawasan awam adalah tanggungjawab bersama.

Media sosial sebagai medium penyebaran kesedaran

Dalam era moden ini, peranan media sosial juga turut membantu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan dan harta benda awam. Melalui perkongsian maklumat, kempen digital dan penyebaran mesej positif, masyarakat lebih mudah menerima dan memahami kepentingan tindakan mereka terhadap persekitaran. Kempen seperti video pendek, infografik dan poster mampu menarik perhatian orang ramai terutamanya golongan muda yang aktif menggunakan platform media sosial.

Merosakkan harta benda awam atau menggunakannya tanpa kebenaran, mencuri barang kemudahan kerajaan dan menconteng adalah pengkhianatan

terhadap amanah masyarakat dan negara. Perbuatan ini bukan sekadar menyalahi undang-undang tetapi menggambarkan kelemahan nilai jati diri individu tersebut. Sekiranya masyarakat terus bersikap sambil lewa, kos penyelenggaraan akan meningkat dan akhirnya membebankan pihak kerajaan serta rakyat secara keseluruhannya.

Oleh itu, semua pihak diseru untuk bersama-sama menjaga kebersihan dan kemudahan awam yang disediakan. Tanggungjawab ini memerlukan komitmen berterusan daripada setiap warga bermula daripada perkara kecil seperti membuang sampah ke dalam tong sampah, tidak merosakkan kemudahan awam, menjaga kebersihan awam dan melaporkan sebarang perbuatan vandalisme kepada pihak berkuasa. Jika amalan ini diterapkan dalam kehidupan seharian, nescaya negara akan menjadi sebuah masyarakat yang bukan sahaja bersih dan teratur tetapi juga bertanggungjawab serta tinggi nilai peradabannya.

Sesungguhnya, kebersihan dan pemeliharaan harta benda awam mencerminkan sikap peduli dan tanggungjawab masyarakat. Dengan memupuk kesedaran dan semangat tanggungjawab bersama, kita bukan sahaja dapat mewujudkan persekitaran yang harmoni dan selesa tetapi turut menyumbang kepada pembangunan negara yang lebih sejahtera dan berdaya tahan. Sikap prihatin ini perlu diteruskan dari generasi ke generasi agar negara sentiasa berada pada landasan kemajuan yang mapan, berdaya saing dan dihormati di mata dunia.





RIBUT LANDA REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN, RAGUT EMPAT NYAWA

BERLIN, 25 Nov. - Salji dan jalan licin akibat ribut musim sejuk di Republik Persekutuan Jerman menyebabkan kemalangan serta gangguan perjalanan yang meragut sekurang-kurangnya empat nyawa dan mencederakan ramai lagi, lapor Xinhua.

Seramai tiga orang terbunuh dalam nahas melibatkan dua lori dan sebuah kereta di Bavaria,

selatan Republik Persekutuan Jerman, dengan pihak polis melaporkan keadaan jalan yang sangat licin.

Dua mangsa cedera parah dan beberapa lagi turut cedera.

Kematian keempat dilaporkan di negeri Baden-Württemberg di selatan Republik Persekutuan Jerman, apabila seorang lelaki berusia 68 tahun terbabas di jalan yang diseliputi ais dan merempuh sebuah kenderaan lain. Pemandu

kenderaan kedua dilaporkan cedera parah.

Di negeri Hesse di bahagian tengah negara itu, sembilan orang cedera apabila jalan licin dan salji yang turun sepanjang malam mengakibatkan puluhan kemalangan.

Polis melaporkan lebih 30 insiden berkaitan cuaca sejak malam Ahad hingga pagi Isnin.

Beberapa negeri turut melaporkan insiden berasingan

serta gangguan terhadap trafik dan perkhidmatan kereta api.

Menurut Perkhidmatan Cuaca Jerman, keadaan dijangka terus

mencabar dengan cuaca beku dan ais di timur pada sebelah malam, serta salji berkemungkinan turun di kawasan Alps. - ©BERNAMA

Namibia dedahkan jurang kemahiran ketara dalam pasaran buruh - Laporan

WINDHOEK, 25 Nov. - Namibia mengeluarkan Laporan Keadaan Permintaan dan Penawaran Kemahiran pada Isnin, yang menentengahkan ketidakseimbangan struktur antara kemahiran yang ditawarkan tenaga kerja dan kemahiran yang diperlukan majikan dalam sektor utama ekonomi, lapor Xinhua.

Dilancarkan oleh Lembaga Promosi dan Pembangunan Pelaburan Namibia, laporan itu menunjukkan kekurangan merentasi lebih 73 jenis pekerjaan, dengan permintaan tinggi dalam sektor pertanian, pembuatan, peruncitan, perkhidmatan, pentadbiran, kesihatan dan kerja sosial, pendidikan, pengangkutan,

pentadbiran awam, pertahanan dan perkhidmatan penginapan.

Laporan itu menyatakan pencapaian pendidikan tinggi meningkat daripada 5.8 peratus pada 2011 kepada 11.8 peratus pada 2023, namun terdapat lambakan siswazah dalam bidang pemiagaan, pentadbiran awam, pendidikan dan sains sosial, serta kekurangan tenaga mahir dalam bidang pertanian, pembuatan, kejuruteraan dan perancangan fizikal.

Sementara itu, laporan berkenaan turut menyatakan kadar kenaikan darjah pendidikan asas kekal rendah di peringkat menengah atas, dengan kadar kenaikan darjah 47.3 peratus serta kadar pengulangan dan

keciliran yang tinggi.

Menurut laporan itu, sektor pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) mencatat kadar pengeluaran rendah, dengan hanya 14 peratus pelatih menamatkan pengajian pada 2020.

Laporan itu turut menyebut bahawa terdapat kira-kira seorang pelatih TVET bagi setiap 28 pelajar pendidikan asas.

Petunjuk pasaran buruh Namibia menunjukkan kadar pengangguran sebanyak 36.9 peratus dan kadar pengangguran belia 44.4 peratus. Laporan itu berkata kemahiran asas kekal membimbangkan, dengan prestasi celik huruf dan celik angka pada tahap rendah di peringkat awal persekolahan. - ©BERNAMA

Jam poket emas pasangan Titanic terjual pada harga £1.78 juta

LONDON, 24 Nov. - Sebuah jam poket emas milik pasangan warga emas yang lemas ketika tragedi tenggelamnya Titanic berjaya dijual pada harga £1.78 juta (US\$2.3 juta) dalam satu acara lelongan, lapor PA Media/dpa.

Jurulelong berkata harga itu merupakan jumlah tertinggi pernah dibayar bagi "memorabilia Titanic".

Rekod sebelum ini dicatatkan tahun lalu apabila sebuah lagi jam poket emas yang dihadiahkan kepada kapten bot yang menyelamatkan lebih 700 penumpang terjual pada harga £1.56 juta.

Jam 18 karat buatan Jules Jurgensen itu dimiliki penumpang kelas pertama Isidor Straus, yang

lemas ketika Titanic karam pada April 1912 sehingga meragut 1,500 nyawa.

Beliau dan isterinya, Ida, turut digambarkan dalam filem *blockbuster* Titanic arahan James Cameron pada 1997 sebagai pasangan yang saling berpelukan ketika kapal itu karam.

Jam itu ditemukan bersama beberapa barangan peribadi lain pada tubuh Straus dan kemudiannya dipulangkan kepada keluarganya.

Beliau menerima jam itu sebagai hadiah hari lahir ke-43 pada 1888, iaitu tahun yang sama beliau menjadi rakan kongsi di gedung beli-belah Macy's di New York.

Jam berkenaan, yang kekal

dalam simpanan keluarga Straus selama lebih seabad, dilelong oleh Henry Aldridge & Son Auctioneers di Devizes, Wiltshire.

Sepucuk surat tulisan tangan oleh Ida di atas kertas rasmi Titanic dan dipos ketika berada di atas kapal terjual pada harga £100,000.

Senarai penumpang Titanic pula dibeli dengan harga £104,000 manakala pingat emas yang dianugerahkan kepada kru RMS Carpathia oleh mangsa terselamat terjual pada £86,000.

Secara keseluruhan, acara lelongan "memorabilia Titanic" pada Sabtu mencatat nilai keseluruhan £3 juta. - ©BERNAMA

Ketua pembangkang Cameroon lari ke Gambia ekoran pilihan raya dipertikai

KIGALI (Rwanda), 24 Nov. - Gambia memberi perlindungan sementara kepada ketua pembangkang Cameroon, Issa Tchiroma Bakary atas faktor keselamatan susulan ketegangan politik baru-baru ini, lapor Anadolu Ajansi.

Bakary tiba di negara itu pada 7 Nov, menurut kenyataan Kementerian Maklumat Gambia.

"Beliau ditempatkan sementara di Gambia semata-mata atas dasar kemanusiaan dalam semangat solidariti Afrika dan bagi memastikan keselamatannya sementara perbincangan diteruskan untuk mencapai penyelesaian aman dan diplomatik

terhadap ketegangan pasca pilihan raya di Cameroon," kata kenyataan itu.

Bakary merupakan pencabar utama Presiden Cameroon Paul Biya, 92 tahun, yang diisytiharkan menang dalam pilihan raya presiden bulan lalu dengan 53.7 peratus undi.

Menurut keputusan rasmi, Bakary yang memimpin Cameroon National Salvation Front dan mendakwa menang dua hari selepas pengundian pada 12 Okt, memperoleh 35.2 peratus undi.

Beliau menggesa para penyokong memprotes keputusan rasmi pilihan raya itu dengan menutup premis perniagaan dan

menghentikan aktiviti awam lain.

Kerajaan Gambia menegaskan bahawa negara itu "tidak akan dijadikan pangkalan untuk sebarang aktiviti subversif terhadap mana-mana negara".

Ia berkata pihaknya bekerjasama dengan rakan serantau, termasuk Nigeria bagi menyokong penyelesaian secara aman dan melalui rundingan.

Protes besar-besaran tercetus di Douala dan beberapa bandar lain bulan lalu terhadap kerajaan Presiden Biya berhubung dakwaan penipuan pilihan raya presiden.

Sekurang-kurangnya lima orang dilaporkan terbunuh dalam protes berkenaan. - ©BERNAMA

Republik Perancis : Rancangan lupus burung merpati di bandar Cognac cetus kemarahan

PARIS, 25 Nov. - Rancangan bandar Cognac di barat Republik Perancis melaksanakan operasi menembak burung merpati telah mencetuskan gelombang bantahan penduduk, dengan lebih 21,000 orang menandatangani petisyen dalam talian membantah tindakan pelupusan itu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

"Burung merpati adalah makhluk yang dapat merasa. Adalah kejam untuk membunuh mereka," menurut petisyen itu. Petisyen berkenaan mengesyorkan kaedah kawalan populasi yang lebih berkesan termasuk memasang reban merpati khas.

Tindakan pelupusan itu dijadualkan berlangsung pada minggu ini dan selama tiga hari pada Januari.

Bandar itu mempunyai sistem yang membenarkan pekerja majlis perbandaran melalui dekri yang sesuai menembak burung merpati dengan senapang yang dipasang dengan penyenyap bunyi. Penembak itu akan ditemani oleh seorang pegawai polis atau ahli majlis perbandaran.

Pihak berkuasa mempertahankan langkah itu atas alasan kebersihan dan kerosakan yang disebabkan oleh burung merpati. Tindakan pelupusan sebelum ini menyaksikan ratusan burung merpati ditembak. Bandar itu juga pernah mengupah pengendali burung helang untuk menghalau burung berkenaan. - ©BERNAMA

Hampir 47,000 terjejas akibat Lekukan Tropika Verbena, garis ricih di Republik Filipina

MANILA, 25 Nov. - Hampir 47,000 orang setakat ini terjejas akibat kesan gabungan Lekukan Tropika Verbena dan garis ricih yang sedang berlaku, lapor Agensi Berita Filipina (PNA) memetik Majlis Pengurusan dan Pengurangan Risiko Bencana Kebangsaan (NDRRMC) pada Selasa.

Dalam laporan situasi terbaharunya, NDRRMC berkata sejumlah 46,923 individu yang terjejas, bersamaan 15,363 keluarga berasal dari 44 barangay (kampung) di Wilayah 13 (Caraga).

Sehingga pagi Selasa, 485 keluarga ditempatkan di 19 pusat pemindahan, manakala 14 keluarga lagi menerima bantuan di lokasi lain.

Kira-kira 59 pelabuhan di lima wilayah telah menggantung operasi pelayaran berikutan cuaca buruk, menurut NDRRMC.

Tiada kematian atau kerosakan dilaporkan.

Setakat 7 pagi waktu tempatan, Lekukan Tropika Verbena dikesan berada di Canlaon City, Negros Oriental, bergerak ke arah barat laut pada kelajuan 20 kilometer sejam. Ia mendarat di Talisay, Cebu pada 2.40 pagi.

Pentadbiran Perkhidmatan Atmosfera, Geofizik dan Astronomi Filipina (PAGASA) telah mengeluarkan Isyarat Angin Siklon Tropika No. 1 di beberapa kawasan berikutan Verbena. - ©BERNAMA

UAE beri amaran peningkatan risiko curi data di stesen mengecaj awam

ABU DHABI, 24 Nov. - Majlis Keselamatan Siber Emiriah Arab Bersatu (UAE) memberi amaran bahawa pengguna yang mengecas peranti di port mengecas awam berisiko mendedahkan data peribadi mereka kepada penggadam, lapor Xinhua memetik Agensi Berita Emiriah (WAM) pada Ahad.

Menurut WAM, majlis itu berkata sebanyak 79 peratus pengembara yang menggunakan port mengecas awam dipercayai berdepan potensi pencerobohan data kerana sesetengah port mungkin mengandungi perisian hasad atau sistem tersembunyi yang membolehkan serangan "juice jacking".

Serangan itu mengeksploitasi protokol pemindahan media atau imej yang diaktifkan secara automatik apabila peranti disambungkan.

Majlis itu berkata pengabaian langkah asas keselamatan siber boleh mengakibatkan data dan kata laluan dicuri, atau membenarkan perisian hasad dipasang pada telefon tanpa disedari pengguna.

Menurut WAM, majlis itu turut menyenaraikan beberapa tanda peranti mungkin telah digodam termasuk bateri yang cepat habis, prestasi aplikasi yang perlahan, sistem kerap tergendala serta kewujudan ikon atau mesej asing pada skrin. - ©BERNAMA

REPUBLIK INDONESIA UNGGULI KUTIPAN PINGAT ACARA OLAHRAHA ASG14



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan bergambar ramai bersama para pemenang (atas). Sementara gambar kanan, antara aksi para peserta pada pertandingan berkenaan.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 November. - Acara Olahraga Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14) yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah petang tadi menyaksikan persaingan sengit dalam beberapa acara yang dipertandingkan. Berdasarkan keseluruhan keputusan, Republik Indonesia muncul sebagai negara yang meraih pingat terbanyak pada sesi kali ini dengan enam pingat.

Thailand pula menduduki tempat kedua dengan lima pingat, diikuti Malaysia dan Republik Filipina yang masing-masing mengutip empat pingat. Dalam Acara Larian Berpagar 110 meter (m), atlet Thailand, Patiphon Samnee, memenangi pingat emas dengan catatan 13.41 saat (s). Tempat kedua dan ketiga diraih atlet Malaysia, Muhammad Harith Haikal bin Mohd. Arshad (13.43s) dan Muhamad Danysh Ashraff bin



Herwan (13.44s). Acara Larian 400m Perempuan pula menyaksikan wakil Republik Filipina, Jeralyn Rodriguez, muncul juara dengan catatan 55.25s. Tempat kedua dimenangi Thi Huong Dong dari Republik Sosialis Viet Nam (56.58s) manakala Dancelina Welly Tauray dari Republik Indonesia meraih gangsa (56.62s). Dalam Acara Larian 400m Lelaki, atlet Thailand, Adisak Pornsomphot, berjaya mencatat masa terpanjang 47.98s. Kian Labar dari Republik Filipina meraih perak (48.50s) dan Muhamad Qariff Kuyt bin Abdullah dari Malaysia memenangi gangsa (48.63s).

Bagi Acara Lontar Lembing Perempuan, Thailand meneruskan kecemerlangan menerusi Nalin Thongseenuch yang melempar sejauh 47.80m untuk meraih emas. Xin Kristel Lam dari Republik Singapura memenangi perak (40.54m) dan Ma Ye Ye Htay dari Republik Kesatuan Myanmar meraih gangsa (39.48m). Dalam Acara Lompat Jauh Perempuan, atlet Republik Indonesia, Ariz Nuraniyyah, memenangi emas selepas mencatat lompatan sejauh 5.53m, menewaskan wakil Republik Filipina, Rose Jane Barcelona, yang turut mencatat 5.53m

namun berada di tempat kedua berdasarkan percubaan terbaik. Tempat ketiga dimenangi Pearl Asilo, juga dari Republik Filipina (5.42m).

Acara Lari Berganti-ganti 4x100m Perempuan menyaksikan pasukan Thailand di tempat pertama (46.38s), diikuti Republik Filipina (47.15s) dan Republik Indonesia (47.58s).

Dalam Lari Berganti-ganti 4x100m Lelaki, pasukan Malaysia unggul dengan catatan 40.47s untuk membawa pulang pingat emas. Republik Indonesia meraih perak (40.95s), sementara Thailand berada di tempat ketiga (41.16s).

Acara terakhir petang tadi, Larian 1500m Perempuan, dimenangi oleh wakil Republik Sosialis Viet Nam, Mui Sau Ly, dengan catatan 4:54.62. Pingat perak dan gangsa masing-masing diraih atlet Republik Indonesia, Francia Richelle Matital (4:57.57) dan Kesia Sihotang (4:57.94).

Penyampaian pingat kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kencanawati binti Haji Tajuddin.



Pasukan badminton lelaki negara rangkul pingat gangsa



PASUKAN dari Republik Indonesia berjaya meraih pingat emas dalam Acara Berpasukan Lelaki (Boys Team Event) pada Kejohanan Badminton Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14) Tahun 2025

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

PULAI, Isnin, 24 November. - Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum telah menganjurkan Majlis Penyampaian Pingat bagi Peringkat Akhir Acara Berpasukan Lelaki dan Perempuan Kejohanan Badminton Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14) Tahun 2025 bertempat di Dewan Sekolah Sukan, di sini. Dalam Acara Berpasukan Lelaki (Boys Team Event), pasukan dari Republik Indonesia berjaya meraih pingat emas setelah menewaskan Pasukan Malaysia yang membawa pulang pingat perak. Sementara itu, Pasukan Negara

Brunei Darussalam dan Republik Filipina masing-masing berkongsi tempat ketiga dengan meraih pingat gangsa. Bagi Acara Berpasukan Perempuan (Girls Team Event), Pasukan Republik Indonesia sekali lagi mengungguli pertandingan apabila berjaya merangkul pingat emas setelah menundukkan Pasukan Thailand yang meraih pingat perak. Manakala Pasukan Malaysia dan Republik Filipina menerima pingat gangsa selepas berkongsi kedudukan tempat ketiga. Majlis Penyampaian Pingat telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap

(Perundangan, Antarabangsa dan Penyelidikan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Ahmad Nizam bin Dato Paduka Haji Ismail dan diiringi oleh Setiausaha Kerja Urus Setia Majlis Kebangsaan, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajah Mas Joliwane binti Pengiran Haji Tejudin. ASG14 terus menjadi platform penting dalam mencungkil bakat muda serta memupuk semangat kesukanan dalam kalangan pelajar sekolah di rantau ASEAN. Untuk maklumat lanjut mengenai ASG14, orang ramai boleh melayari laman sesawang rasmi di <https://ease.moe.gov.bn/ASG14> serta mengikuti Instagram rasmi di @14thASEANSchoolsGames.

Republik Indonesia mendominasi acara renang

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

>> Muka 24

Sementara bagi acara 50m Kuak Kupu-kupu Lelaki pula menyaksikan dominasi Republik Indonesia melalui I Gusti Bagus Pramana Daniswara yang meraih pingat emas dan Samuel Maxson Septionus yang membawa pulang pingat perak, manakala tempat ketiga dimenangi oleh atlet Republik Singapura, Lu Kai Lucas Sim yang meraih pingat gangsa.

Bagi acara 50m Kuak Kupu-kupu perempuan, Republik Indonesia sekali lagi merangkul pingat emas dan perak, masing-masing menerusi Chelsea Alexandra dan Adelia Chantika Aulia, manakala manakala dua atlet Thailand, Wichita Ketmanee dan Chayanit Siraphongruk berkongsi pingat gangsa.

Sementara itu, dalam acara 100m Kuak Lentang Lelaki, Republik Singapura melalui Julian Xing Hong Lee yang meraih pingat emas, manakala Muhammad Haviz Rizal Wib dari Republik Indonesia memenangi pingat perak, dan atlet Republik Filipina, Kristoff Daniel David pula meraih pingat gangsa.

Bagi acara 100m Kuak Lentang perempuan, dua atlet Republik Indonesia terus mengekalkan prestasi cemerlang apabila Adelia Chantika Aulia meraih pingat emas, manakala Nicolle Callysta Phiong membawa pulang pingat perak, sementara pingat gangsa dimenangi oleh atlet Thailand, Oravee Intaporn-Udom.

Dalam acara 200m Medley Individu Lelaki, Thailand memperoleh pingat emas dan perak, masing-masing melalui Paripat Pimprae dan Thanapat Pinsanoa, manakala Anton Paulo Dominick Della dari Republik Filipina pula memenangi gangsa.

Bagi 200m Medley Individu perempuan pula, Natthakitta Leekitchakorn dari Thailand memperoleh pingat emas, diikuti Kar Xuan Kayla Koh dari Republik Singapura meraih pingat perak, manakala Yuet Ting Aw dari Malaysia membawa pulang pingat gangsa.

Acara 4x100m Gaya Bebas Berganti-ganti menyaksikan persaingan hebat antara peserta. Bagi kategori lelaki, Republik Indonesia merangkul pingat emas, diikuti Thailand memenangi pingat perak, manakala Malaysia pula menamatkan saingan di tempat ketiga untuk membawa pulang pingat gangsa.

Sementara itu, bagi kategori perempuan, Republik Indonesia sekali lagi mengungguli saingan dengan meraih pingat emas, diikuti Thailand memenangi pingat perak, manakala Republik Singapura meraih pingat gangsa.



PASUKAN PENCAK SILAT NBD RAIH PINGAT PERAK, GANGSA



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa hadir menyaksikan pertandingan pencak silat pada sebelah petang (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, sesi bergambar ramai bersama para atlet-pelajar yang menyertai pertandingan tersebut.

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 November. - Pasukan Pencak Silat Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) telah berjaya meraih dua pingat perak dan empat pingat gangsa di Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Kali Ke-14 (ASG14), Tahun 2025 pada peringkat akhir sukan pencak silat ASG14 bagi hari pertama yang berlangsung petang tadi di Dewan Riadah, Pusat Belia.

Negara Brunei Darussalam (NBD) meraih pingat perak pertama melalui Kategori Regu

Lelaki Remaja terdiri daripada Awang Mohd. Abel Aflah bin Abdullah, Awang Md. Hamizan bin Hanapiah dan Awang Md. Izz Malek bin Haji Harmaini.

Seterusnya, Dayang Fatin Hazirah Muhidi turut menyumbang satu lagi pingat perak dalam Kategori Tanding Wanita Remaja Kelas 'B'.

Sementara itu, NBD memperoleh beberapa pingat gangsa, iaitu melalui Kategori Regu Wanita Remaja terdiri daripada Dayang Nur Hidayatul Najwa binti Asrizal, Dayangku Nur

Asyifa Naimullah binti Pengiran Haji Md. Yasrizam Ayub dan Dayang Nursyaziyah Mawaddah binti Mohammad Fauzi, diikuti Awang Muhd. Khairul Hafiy bin Mohd. Haddi yang meraih pingat gangsa dalam Kategori Tanding Lelaki Remaja Kelas 'A', Awang Md. Aminuddin bin Mohd. Azree dalam Kategori Tanding Lelaki Remaja Kelas 'F', dan Dayang Adi Aina Marhanna binti Muhd. Zaidi yang turut menyumbang pingat gangsa dalam Kategori Tanding Wanita Remaja Kelas 'A'.

Penyampaian pingat bagi Kategori Kelas 'B' Wanita dan Kategori Kelas 'F' Lelaki telah

disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Sementara penyampaian pingat bagi Kategori Regu Lelaki, Kategori Regu Perempuan, Kategori Kelas 'A' Lelaki dan Kategori Kelas 'A' Perempuan telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Turut menyaksikan pertandingan pencak silat pada petang ini ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat

Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Kejohanan Pencak Silat telah diadakan selama lima hari, bermula 22 hingga 26 November 2025, menyaksikan penyertaan atlet-pelajar ASEAN dalam pelbagai kategori yang dipertandingkan.

ASG14 sedang berlangsung dari 20 hingga 28 November 2025. Tahun ini melibatkan penyertaan melebihi 900 atlet-pelajar yang akan bertanding dalam lapan acara sukan terdiri daripada badminton, bola keranjang, bola jaring, olahraga, sepak takraw, renang, pencak silat dan wushu.

Tema rasmi kejohanan pada tahun ini ialah 'Dream, Strive, Achieve', yang diadaptasi daripada perambanan Brunei, 'Bekarih, Bejarih, Belurih'. Motto ini mengajak para atlet-pelajar untuk mencapai impian melalui usaha yang tekun dan berdisiplin serta semangat juang, dan kerja keras.

Untuk maklumat lanjut mengenai ASG14, sila layari laman sesawang rasmi di <https://ease.moe.gov.bn/ASG14> atau mengikuti Instagram rasmi di @14thASEANSchoolsGames.



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang.

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Selasa, 25 Darussalam melalui Jabatan November. - Kementerian Pendidikan Kokurikulum telah Pendidikan Negara Brunei mengadakan Majlis Penyampaian

Republik Indonesia mendominasi acara renang

Pingat bagi peringkat akhir acara-acara Kejohanan Renang Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Kali Ke-14 (ASG14) Tahun 2025 yang berlangsung di Kolam Renang Kebangsaan, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Acara berkenaan menyaksikan persaingan sengit dalam kalangan para atlet-pelajar yang mewakili negara-negara ASEAN dalam

usaha memburu pingat bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

Bagi acara 800 meter (m) Gaya Bebas Perempuan, Thailand mendominasi saingan dengan meraih pingat emas melalui Natthapatsorn Wongsuwan, manakala rakan senegaranya, Karachakorn Yuyong membawa pulang pingat perak, sementara Republik Singapura yang diwakili Ashley Wong pula menamatkan pertandingan di tempat ketiga untuk memenangi pingat gangsa.

Dalam acara 200m Kuak Dada Lelaki, Malaysia meraih pingat emas melalui Xinxian Sophocles Ng, diikuti atlet Republik Singapura, Cheng Jae Tristan Chua yang merangkul pingat

perak, manakala Hasbi Zulfian Idris dari Republik Indonesia memenangi pingat gangsa.

Bagi 200m Kuak Dada Perempuan, pingat emas dan perak diraih oleh Republik Singapura, masing-masing melalui Yue Jia Chen dan Joy Ning Suan Neo, manakala pingat gangsa milik Sue Enn Khoo dari Malaysia.



>> Muka 23

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

KALIMAH ISTIGHFAR SESUAI DILAFAZKAN PADA WAKTU KITA MERASA TELAH MELAKUKAN KESALAHAN